

BAB 5

KEGAGALAN SISTEM DEMOKRASI LIBERAL DARI TAHUN 1949-1957

*"Demokrasi kita harus demokrasi jang setjara kolektif menuju kepada keweerbaran Negara ditiga lapangan itu. Demokrasi kita satu demokrasi jang "Negara -sentris", dan bukan satu demokrasi jang membawa manusia kepada ego-sentris, atau golongan-sentris atau partai-sentris atau kliek-sentris. Dan demokrasi jang demikian itu ta' dapat lain daripada demokrasi jang mempunjai "guiding morality", satu demokrasi jang kolektif mengabdi kepada satu tugas pembinaan Negara. Demokrasi jang harus kita tjari itu dus harus satu demokarsi jang terpimpin."*¹

Pengenalan

Perbincangan bab ini akan hanya menjurus kepada sebab-sebab penting yang membawa kepada kegagalan Demokrasi Liberal. Konflik antara individu menjadi fokus utama bab ini. Selain itu, masalah lain seperti ekonomi, pasaran eksport, pendapatan negara dan hubungan antara Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa juga dihuraikan dan dikaitkan dengan kegagalan Demokrasi Liberal di Indonesia.

Tempoh Demokrasi Liberal bermula dari tahun 1949-1957. Kebanyakan sarjana berpendapat tahun 1957 merupakan tahun terakhir Demokrasi Liberal². Selepas itu Sukarno cuba menyakinkan rakyat tentang kelemahan sistem Demokrasi Liberal dan akhirnya rakyat menerima seruan Sukarno. Demokrasi Terpimpin diperkenalkan di

¹Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada hari Ulang-Tahun Proklamasi Kemerdekaan jang ke-xii 17 Augustus 1957, Sabtu djam 10 pagi di Istana Merdeka Djakarta.

²Tahun diantara 1957 hingga 1959 dikenali sebagai tahun-tahun transisi kearah Demokrasi Terpimpin. Seperti yang diketahui tumpangnya Kabinet Ali Sastroamidjojo II pada Mac 1957 merupakan period terakhir kepada zaman Demokrasi Liberal di Indonesia. Lihat Daniel S. Lev, The Transition to Guided Democracy: Indonesian Politics, 1957-1959, hlm.11.

Indonesia dan ia dikatakan lebih sesuai dengan keperibadian Indonesia.³ Namun selepas tujuh tahun memperkenalkan Demokrasi Terpimpin, akhirnya rakyat menolak sistem Demokrasi Terpimpin dan seterusnya kuasa pemerintahan diambil- alih oleh Jeneral Suharto⁴.

Kegagalan Demokrasi Liberal

Dalam bab kelima ini kita akan lihat sebab -sebab kegagalan Demokrasi Liberal di Indonesia. Ada beberapa sebab yang membawa kegagalan Demokrasi Liberal. Kegagalan Demokrasi Liberal dari tahun 1949-1957 ini adalah kerana kekurangan pendukung yang setia serta tiada kesungguhan mereka untuk menepati janji-janjinya. Contohnya, ahli-ahli politik Indonesia tidak berjaya menegakkan pemerintahan yang stabil sama ada semasa zaman Revolusi⁵ atau selepas mendapat Kemerdekaan dari Belanda.⁶ Selain itu, sebab-sebab lain yang penting sehingga membawa kegagalan Demokrasi Liberal ialah persaingan antara parti-parti politik, konflik peribadi , peranan tentera, masalah ekonomi, bergantungan kepada pasaran eksport, pertikaian antara Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa dan juga masalah golongan seperatis. Jelas, semua lapangan mengalami masalah sama ada politik, ekonomi, sosial-budaya, keamanan atau ideologi negara.⁷ Kita akan meneliti setiap satu sebab secara mendalam untuk melihat sebab kegagalan Demokrasi Liberal.

³Sukarno bertindak membubarkan MPR pada 5 Julai 1959 dan menguatkuasakan kembali UUD 45 yang memberikan kuasa penuh kepada Sukarno untuk memperkenalkan Demokrasi Terpimpin mengikut kehendaknya.Ucapan ulang tahun Sukarno pada tahun 1959, dianggap penting kerana beliau menjelaskan tindakannya itu kepada rakyat Indonesia.Rakyat Indonesia yang bosan dengan karenah parti politik telah menerima resolusi yang merintis jalan kepada Demokrasi Terpimpin. Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan , 17 Augustus 1959. Lihat juga Ucapan Sukarno pada 21 Februari 1957, Kementerian Penerangan, Kronik Dokumentasi, Demokrasi Terpimpin, hlm.5.

⁴Suharto menjadi Presiden Indonesia secara rasmi pada 27 Mac 1968. Lihat Antara, 23 Februari 1967.

⁵Zaman diantara tahun 1945-1949,dikenali zaman Revolusi kerana Belanda enggan mengiktiraf Proklamasi Kemerdekaan dan pihak Indonesia mula mengisyitiharkan Revolusi keatas Belanda.

⁶Soera Moeda, 17 Februari 1946.

⁷J.D.Legge, Indonesia, hlm.21-22.

Pendukung setia

Kegagalan sistem Demokrasi Liberal ini adalah disebabkan oleh tiadanya pendukung setia ideologi ini. Contohnya, dari tahun 1945 iaitu sejak bermulanya pengenalan Demokrasi Liberal ini hingga 1957 tidak ada usaha-usaha yang serius di kalangan pendukungnya untuk memberi kestabilan politik dan kemakmuran kepada rakyat Indonesia.⁸ Pada dasarnya kebanyakan pemimpin politik atau pemimpin parti lebih banyak menggunakan ideologi Demokrasi Liberal untuk menjatuhkan satu sama lain.⁹ Pendukung utama dan pelopor ideologi Demokrasi Liberal ialah Sjahrir.¹⁰ Pada mulanya, Sjahrir begitu yakin bahawa sistem ini dapat menyesuaikan diri dengan keperibadian Indonesia. Walaupun pada awalnya, Sukarno tidak begitu setuju dengan sistem ini namun Sjahrir berjaya menyakinkan golongan elit yang lain tentang kebaikan sistem Demokrasi Liberal ini.¹¹

Sjahrir sebagai pendukung utama Demokrasi Liberal akhirnya, terpaksa mengalah kepada permainan politik rakan-rakannya lain yang sentiasa mahu menjatuhkan Kabinetnya. Beliau terpaksa menghadapi banyak masalah dalam usaha menegakkan

⁸ Selama tiga belas tahun rakyat menantikan satu kerajaan yang boleh memberikan kestabilan tetapi ia tidak menjadi kenyataan .Kabinet demi Kabinet menjanjikan kestabilan tetapi dalam realitinya mereka lebih berminat dan berusaha untuk menguasai tumpuk pemerintahan tanpa mendukung ideologi Demokrasi Liberal.Rakyat bosan dengan sistem Demokrasi Liberal dan lebih bersetuju dengan tipu daya Sukarno yang mengatakan Demokrasi Terpimpin adalah lebih baik dari Demokrasi Liberal.Lihat Akhbar Harian Umum Nasional, Djum'at 1957.

⁹ Kita boleh melihat setiap Kabinet yang ditumbangkan dari tahun 1945-1956 adalah kerana kepentingan politik sama ada kepentingan politik individu atau kepentingan politik parti dan tidak mempunyai tujuan yang murni. Perkara yang aneh sekali ialah,hampir kesemua Kabinet ditumbangkan itu adalah kerana cuba melakukan sesuatu yang baik kepada rakyat dan negara Indonesia.Lihat Susan Finch dan Daniel S.Lev, Republic of Indonesia Cabinets, 1945-1965. Lihat juga Pidato Presiden Sempena Ulang Tahun Kemerdekaan pada 17 Augustus 1951 dan juga Kementerian Penerangan Republik Indonesia, Kabinet-Kabinet Republik Indonesia, Djakarta, 1957.

¹⁰Lihat Soedjatmoko," The Role of Political Parties in Indonesia" dalam Philip W.Thayer, Nationalism and Progress in Free Asia, Baltimore, 1956,hlm.1-100. Lihat juga Soera Moeda, 17 Februari 1946.

¹¹Selama dibuang negeri ke Boven Digul di Pulau Irian, beliau telah menggunakan kesempaan yang terluang untuk menulis buku ini. Di dalam buku ini, beliau banyak menengahkan pendapat, kritikan , kelemahan tentang Demokrasi dan masyarakat Indonesia pada masa itu. Lihat Soetan Sjahrir, Out of Exile, New York, 1949, hlm.30-33.

sistem Demokrasi Liberal di Indonesia. Tiga kali beliau membentuk Kabinet tetapi usaha-usaha beliau itu menghadapi kesukaran. Sjahrir telah menyerahkan pembentukan Kabinet ini kepada pemimpin-pemimpin lain. Jika teliti, memang Sjahrir telah berusaha keras untuk menegakkan Demokrasi Liberal di Indonesia namun kepentingan politik individu dan konflik peribadi menyebabkan beliau terpaksa mengaku kalah terhadap hasratnya. Akhirnya, beliau sendiri telah meletakkan jawatannya walaupun ditawarkan sekali lagi.¹²

Kabinet-kabinet selepas Kabinet Sjahrir juga tidak dapat mendukung ideologi Demokrasi Liberal. Ini adalah kerana pembentukan Kabinet ini banyak bergantung kepada sokongan Parti-parti lain. Dalam keadaan kritikal yang memerlukan sokongan anggota parti yang lain, biasanya parti yang mempunyai kepentingan masing-masing akan menyebelahi pihak lawan sehingga Kabinet yang memerlukan sokongan itu tumbang.¹³ Dalam tempoh tahun 1945-1956 sudah ada 17 kabinet tetapi semuanya gagal mendukung ideologi Demokrasi Liberal yang sebenar.

Rakyat Indonesia tetap setia kepada sistem Demokrasi Liberal walaupun belum ada kerajaan yang benar-benar dapat menstabilkan keadaan politik pada masa itu. Pada mulanya rakyat percaya mungkin selepas mendapat Kemerdekaan dari Belanda ia akan memberi kesempatan kepada pemimpin-pemimpin negara untuk menyelesaikan masalah dalaman yang memerlukan perhatian tetapi keadaan menjadi lebih buruk selepas Indonesia Merdeka.¹⁴

¹² Lihat Berita Republik Indonesia, No.1, Tahun 1, 17 Nopember 1943, hlm.3.

¹³ Bermula dari tahun 1949-1956 iaitu selepas duabelas tahun kemerdekaan Indonesia mengalami tujuh belas kali penggantian kabinet. Hampir semuanya kerana masalah persaingan parti politik. Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan, 17 Augustus 1957. Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 16 September 1946.

¹⁴ Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan, 17 Augustus 1955.

Harapan rakyat untuk melihat satu kerajaan stabil selepas pilihan raya umum 1955 juga tidak tercapai kerana kegagalan mendukung ideologi Demokarsi Liberal ini.¹⁵ Rakyat berpendapat kebanyakannya ahli politik pada masa itu tidak mempunyai usaha yang serius untuk menstabilkan politik negara. Keadaan politik Indonesia juga makin lama makin menjadi teruk. Sukarno, telah menggunakan kesempatan ini dengan baik untuk menggantikan Demokarsi Liberal.¹⁶

Penilaian

Pada pendapat saya, kegagalan pemimpin-pemimpin utama dari awal lagi untuk mendukung sistem ini dengan baik meyebabkan kegagalan sistem Demokrasi Liberal. Jika Sjahrir mempunyai hubungan yang baik dengan Sukarno dari awal-awal lagi mungkin Demokarsi Liberal dapat berdiri dengan teguh di Indonesia.¹⁷ Sukarno juga tidaklah begitu setuju dengan sistem; malah beliau inginkan satu cara pemerintahan autokrasi yang dapat memberi kuasa sepenuhnya kepada beliau. Selain itu, perbezaan ideologi juga telah membantutkan usaha ini. Contohnya, Tan Malaka mempunyai ideologi Komunis dan tidak begitu setuju dengan sistem Demokrasi liberal.¹⁸

¹⁵Boleh dikatakan selepas pilihara umum 1955, keadaan menjadi tidak terkawal sehingga berlaku pelbagai masalah yang sukar dikawal. Perpecahan antara parti menjadi lebih nyata kerana setiap parti mendedahkan kelemahan parti lawan dengan menggunakan isu-isu sensitif seperti ajaran Islam, ideologi Komunis, orang Jawa dan bukan Jawa dan sebagainya. Semua ini telah menggugat perpaduan nasional Indonesia. Lihat Herbert Feith, The Indonesian Elections of 1955, hlm.57-91.

¹⁶Sukarno tidak pernah mendukung sistem Demokrasi Liberal malah dari awal-awal lagi beliau tidak setuju dengan ideologi ini. Beliau menerima ideologi Demokrasi Liberal kerana desakan pemimpin-pemimpin lain. Selepas gagal membentuk Kabinet yang stabil, Sukarno mahukan Demokrasi Liberal digantikan dengan Demokarsi Terpimpin. Lihat Sulu Indonesia, 11 Juli 1959. Lihat juga 20 Tahun Indonesia Merdeka, iii, Departemen Penerangan, 1956, hlm.326.

¹⁷Cara Sjahrir menepikan Sukarno selepas menjadi Perdana Menteri telah menaikkan rasa dendam Sukarno terhadap Sjahrir. Lihat J.D.legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.266.

¹⁸Lihat Bernhard Dahm, Sejarah Abad Duapuluh, hlm.162.

Beliau telah menggunakan semua kesempatan yang ada untuk menjatuhkan setiap Kabinet.¹⁹

Selain itu, ada juga pemimpin-pemimpin lain yang tidak begitu serius untuk mendukung ideologi Demokrasi Liberal. Jika, kesemua pemimpin bersatu-padu dan mahukan sesuatu yang terbaik untuk negara, saya rasa pasti ideologi Demokrasi Liberal dapat bertapak dengan baik di Indonesia. Faktor lain seperti persaingan antara parti juga turut memainkan peranan penting dalam kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia.

Persaingan antara parti

Seruan Sjahrir agar parti politik dibentuk dan ditubuhkan selepas menjadi pengurus KNIP mendapat sambutan yang menggalakkan dan lebih daripada 20 parti ditubuhkan pada masa itu.²⁰ Menjelang pilihan raya umum pada tahun 1955²¹, lebih kurang empat puluh parti bertanding dan tidak ada satu parti pun yang mendapat majoriti utama:

*"The national press frequently charged that there were too many parties, about forty of which had survived the elections. No single party had sufficient majority to govern, and the result was instability, with cabinets falling before they could hope to undertake if they were so inclined-- effective programs of economic programs"*²²

¹⁹Persatuan Perjuangan merupakan satu pakatan pembangkang, Tan Malaka berjaya menjatuhkan Kabinet Sjahrir yang kedua.Sjahrir bertindak terhadap pemimpin-pemimpin ini selepas berjaya membentuk Kabinet yang ketiga dengan alasan ada bukti-bukti yang menunjukkan Tan Malaka dan pemimpin-pemimpin Persatuan Perjuangan cuba melemahkan dan memecahkan persatuan Indonesia.Ini telah menyebabkan konflik peribadi diantara pemimpin-pemimpin ini berlanjutan.Lihat Adam Malik,Mengabdi Republik,Jilid II, Jakarta, 1978, hlm.167. Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 1 April 1946.

²⁰Selepas Sjahrir menjadi pengurus KNIP, beliau dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama. Sjahrir mengambil langkah-langkah serius kearah Demokrasi Liberal.Lihat G.M.Kahin, Major Goverments of Asia, New York, 1958, hlm.542-543.

²¹Pedoman, 1 Augustus 1955.

²²Daniel S. Lev, The Transition to Guided Democracy, hlm.11.

Walaupun terdapat banyak parti, parti-parti kecil ini dikuasai oleh empat buah parti besar iaitu PNI, Masjumi, NU dan PKI. Kekuatan empat parti besar ini juga ternyata dalam pilihan raya umum dimana menguasai sebilangan besar kerusi parliment. Sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai ramai penduduk Islam, parti-parti politik yang berteraskan Islam juga mendapat kedudukan penting dalam pilihan raya. Masjumi dan NU dua parti yang berteraskan Islam mendapat pengiktirafan rakyat²³. PNI seperti yang diketahui mempunyai keistimewaan tersendiri kerana mempunyai tokoh-tokoh terkenal serta ia mempunyai kepopularan sejak tahun 1927 lagi.²⁴ PKI mendapat sokongan kuat dari intelek dan juga kakitangan kanan perkhidmatan awam.²⁵ Seterusnya, kita akan lihat masalah dalam parti dan juga bagaimana ia menjelaskan hubungan dengan parti lain. Perbincangan ini dimulakan dengan parti Masjumi dan diikuti pula dengan NU, PNI dan akhir sekali PKI.

Parti Masjumi

²³Masjumi mendapat tempat yang kedua dengan jumlah 20.9% undi dalam pilihanraya umum.Nahdatul ulama mendapat tempat yang ketiga dengan jumlah 18.4% undi dalam piliharyaya umum. Ini membuktikan parti-parti Islam juga memainkan peranan penting dalam institusi politik negara.Lihat Herbert Feith, The Indonesian Elections, hlm.58.

²⁴Walaupun pada awalnya Sukarno yang menubuhkan PNI tetapi selepas Proklamasi, beliau tidak lagi menyokong mana-mana parti kerana peranannya sebagai tokoh sentral.Beliau tidak mahu menjadi milik satu parti.Kebijaksanaan ini telah memberikan peluang untuk menjadi Presiden Indonesia yang pertama dan selalu menjadi tokoh yang mempersatukan kesemua parti sehingga tahun 1957.Selepas itu beliau memperkenalkan idea Demokrasi Terpimpin.Lihat Cindy Adams,Sukarno : An Autobiography,hlm.78-90.

²⁵Kejayaan PKI dalam pilihan raya umum 1955 mengejutkan ramai pihak kerana sudah dua kali PKI mengalami nasib buruk.Kali pertama pada tahun 1927 iaitu selepas Revolusi 1927 PKI diharamkan. Kali kedua pada tahun 1948 iaitu cuba memberontak untuk mendapatkan kuasa pemerintahan.Namun semua nasib buruknya dapat diatasi dan kembali ke pentas politik bersama parti politik yang lain seperti PNI, Masjumi dan NU.Lihat Soedjatmoko," The Role of Political Parties in Indonesia" dalam Nationalism and Progress in Free Asia, hlm.67.

Parti Masjumi ini merupakan parti yang berteraskan agama Islam dan salah satu parti yang penting diantara empat parti utama. Masjumi mempunyai penyokong yang kuat dari kalangan kelas pertengahan di bandar-bandar besar, di kawasan pekan-pekan kecil dan juga diluar pulau-pulau Jawa. Antara kawasan utamanya ialah Sumatera Barat dan Sulawesi Selatan²⁶. Masjumi lebih moden dan menerima pemodenan mengikut peredaran zaman. Pemimpin-pemimpin dari parti Masjumi pernah memegang jawatan Perdana Menteri beberapa kali tetapi seperti parti-parti lain ia juga ditumbangkan.²⁷.

Parti Masjumi ²⁸ini boleh dikatakan mengetahui hakikat ekonomi dan lebih sanggup menerima prinsip penanaman modal asing. Ia juga menganjurkan dasar-dasar dalam negeri yang lebih sederhana. Walaupun begitu, penerimaan PKI kembali dan berkerjasama dengan PKI menyebabkan Masjumi berasa curiga motif PKI diberikan peranan penting dan mula menentang pemerintahan Presiden Sukarno. Parti Masjumi juga lebih sensitif tentang bahaya keunggulan politik pulau Jawa. Parti ini juga mahukan cara pemerintahan Demokrasi Liberal di Indonesia.²⁹

Masjumi terpaksa bersaing dengan satu lagi parti utama iaitu NU. Ini menyebabkan parti ini tidaklah begitu kuat dan parti ini mempunyai pandangan anti-Jawa. Tiga parti utama yang lain selain Masjumi ialah PNI, PKI dan NU yang bertapak di Pulau Jawa. Perbezaan dalam beberapa perkara dan tidak adanya satu faktor yang boleh menyatukan parti-parti ini membawa kepada kegagalan sistem Demokarsi Liberal.

²⁶Lihat Kepartaian dan Parlementaria Indonesia, Terbitan Kementerian Penerangan, Jakarta, 1954.

²⁷Kabinet Natsir dari tahun 6 September 1950-27 April 1951 merupakan pemimpin dari Masjumi. Lihat Presidential Decree, Unitary Republic of Indonesia 9/1950(September 6,1950): Demissionary from March 21, 1951.

²⁸Masjumi pada awalnya merangkumi Nahdatul ulama, kemudian NU bertindak keluar dari Masjumi pada tahun 1952. Lihat juga Natsir , "The Resignation of the Natsir Cabinet", Indonesian Affairs, Vol 1, no.3, March 1951.

²⁹Lihat J.D.Legge, Indonesia, hlm.164. Lihat juga Berita Indonesia, 15 Augustus 1955.

Masjumi lebih setia kepada ideologi Liberal namun semangat yang menentang orang Jawa membawa masalah besar kepada parti ini. Masjumi dan NU kedua-duanya parti yang berteraskan Islam tetapi kedua-duanya tidak pernah bersepakat untuk menjayakan Demokrasi Liberal di Indonesia.

Parti Nahdatul Ulama (NU)

NU merupakan pesaing utama kepada Masjumi. Kedua-dua parti ini terpaksa bersaing untuk mendapatkan sokongan dari kumpulan Islam. NU mempunyai penyokong yang kuat di kawasan desa dan mempunyai fahaman lebih tradisional dan konservatif.³⁰ NU boleh dikatakan lebih popular di Pulau Jawa dan mempunyai sokongan kuat dari masyarakat desa. Pesaingan di antara Masjumi dan NU telah menyebabkan kedua-dua parti ini lebih berminat untuk menjatuhkan satu sama lain. Semasa Sukarno memperkenalkan konsepsi Presiden yang mahu menggantikan Demokrasi Liberal, NU juga tidak menyokong konsepsi presiden ini.

Walaupun Masjumi dan NU menentang konsepsi Presiden tetapi kedua-duanya tidak mempunyai perpaduan yang kuat untuk menentang bersama konsepsi Presiden Sukarno.³¹ Selain dua parti yang berteraskan Islam, ada dua buah parti yang bukan berteraskan Islam tetapi mendapat sokongan kuat dari rakyat Indonesia, iaitu PNI dan PKI. Dalam perbincangan seterusnya kita akan dapat lihat peranan parti PNI dan kegalannya untuk mendukung Demokrasi Liberal.

³⁰Ibid,hlm.164.

³¹Lihat Berita Indonesia, 15 Augustus 1955.

Parti PNI

PNI dan PKI merupakan dua parti yang bukan berteraskan Islam dan bertapak kuat di Pulau Jawa. PNI masih mempunyai populariti yang tinggi dan merupakan parti yang besar. Perpecahan yang berlaku dalam Masjumi dan NU membolehkan PNI menjadi parti utama yang sangat penting dalam menentukan pembentukan Kabinet. PNI juga boleh dikatakan sebuah parti yang radikal dan mendapat sokongan dari semua kumpulan.³² PNI berjaya mengekalkan kepopularan sehingga tahun 1955 dan mendapat tempat pertama di antara empat parti utama. Semua Kabinet, pada peringkat Demokrasi Liberal adalah berasaskan kepada gabungan di antara dua parti utama iaitu PNI dan Masjumi. Memang tidak dapat dinafikan terdapat unsur-unsur bertentangan yang luas diantara Masjumi dan penyokong-penyokongnya dengan PNI dan penyokong-penyokongnya.³³

Parti Masjumi selain menjadi musuh ketat kepada NU ia juga mempunyai persaingan yang hebat dengan PNI. Boleh dikatakan PNI dan Masjumi yang selalu menentukan Kabinet yang akan memerintah Indonesia. Dari tahun 1945 hingga 1957, hanya tiga parti yang berjaya membentuk Kabinet di Indonesia. Sebelum pilihan raya Parti Sosialis Indonesia pernah membentuk Kabinet tetapi selepas pilihan raya, parti ini hilang peranan dalam politik Indonesia. Dua parti yang selalu membentuk Kabinet secara bergilir-gilir ialah PNI dan Masjumi.

³²Lihat Kepartaian dan Parlementerian, hlm.42-50. Lihat juga Alfian, Hasil Pemilihan Umum 1955 Untuk Dewan Perwakilan Rakyat, Djakarta, 1971, hlm.33-36.

³³Dua parti ini selalu membentuk kerjasama untuk menujuhkan Kabinet. Kita boleh melihat hampir semua pembentukan Kabinet ada penyertaan dari PNI dan Masjumi.Terdapat juga beberapa kali kedua-dua parti ini menerajui jawatan Perdana Menteri. Kabinet Natsir (6 September 1950- 27 April 1951) dari parti Masjumi. Kabinet Sukiman (dari 27 April 1951- 3 April 1952) dari parti Masjumi,Kabinet Harahap (dari 12 August 1955- 26 March 1956) juga dari Masjumi. Kabinet Wilopo (dari 3 April 1952- 1 August 1953) dari PNI, Kabinet Ali Sastroadmijojo (1 August 1953-12 August 1955) dari PNI,Kabinet Ali Sastroadmidjojo II (dari 26 March 1956-9 April 1957)juga dari PNI.Lihat Susan Finch and Daniel S.Lev, Indonesian Cabinets, hlm.24,26,28,30,32,34.

Selepas kejatuhan Kabinet Sukiman,³⁴ pertentangan di antara kedua-dua parti menjadi lebih hebat dan ia membawa masalah besar kepada pembentukan Kabinet. Kedua-dua parti ini saling tidak mahu berkerjasama dengan jujur untuk membentuk satu Kabinet yang kukuh. Sukarno telah menggunakan kesempatan seperti ini untuk menyakinkan rakyat tentang kelemahan Demokarsi Liberal. Jika kedua-dua parti ini mementingkan kepentingan Negara, mungkin satu kerajaan stabil dapat dibentuk dan dapat mengekalkan Demokrasi Liberal di Indonesia. Apakah pula peranan PKI yang membawa kepada kegagalan Demokrasi liberal? Berikut adalah peranan yang dimainkan oleh PKI.

Parti PKI (Parti Komunis Indonesia)

PKI ditubuhkan pada awal tahun 1920-an dan seperti yang diterangkan dalam bab 1 ia telah menghadapi banyak masalah dan sering menghadapi nasib yang malang dalam sejarah politik Indonesia.³⁵ PKI kembali menguatkan kedudukan selepas pilihan raya umum 1955 di Indonesia.³⁶ Selepas pilihan raya, PKI menjadi lebih popular dengan

³⁴ Presidential Decree 80/1951 (April 27, 1951): Demissionary from February 23, 1952.

³⁵ Sejarah penubuhan parti-parti politik, nama-nama tokoh yang penting serta nasib malangnya telah diterangkan secara terperinci dalam bab satu.

³⁶ PKI merupakan salah satu parti dari empat parti utama yang memenangi pilihanraya umum 1955. Kebanyakan berpendapat Kejayaan PKI ini adalah sesuatu yang mengejutkan banyak pihak memandangkan situasi pada masa itu. PKI mendapat 16.4% undi dalam pilihanraya berbanding dengan parti-parti lain. Jika diteliti, perbezaan peratus tidaklah begitu ketara dengan parti-parti lain yang sudah lama mempunyai kedudukan istimewa dalam politik. Contohnya, PNI hanya mendapat lebihan 6% undi berbanding PKI; Masjumi mendapat lebihan 4%; undi manakala NU mendapat lebihan 2% undi. Nyata PKI mendapat kedudukan istimewa di kalangan rakyat Indonesia. Lihat Herbert Feith, Indonesian Elections, hlm.58.

pemimpin-pemimpin muda seperti D.N.Audit³⁷, M.H.Lukman³⁸ dan Nyoto³⁹. Kejayaan PKI selepas 1955 banyak mendapat sokongan peribadi Presiden Sukarno. Sukarno berpendapat parti PKI merupakan sebahagian dari Revolusi Indonesia dan parti ini harus diberi peranan dalam politik nasional.⁴⁰

PKI merupakan salah satu parti yang menyokong kuat konsepsi Presiden yang kemudiannya mahu memperkenalkan Demokrasi Terpimpin. Parti ini telah menggunakan sokongan Presiden untuk menguatkan kedudukan mereka dan seperti biasa menantikan masa yang sesuai untuk mengambil-alih kuasa dari pemerintah. Walau bagaimanapun kehadiran dan peranan PKI tidak diterima oleh kebanyakan parti termasuk Masjumi, NU dan parti-parti lain. Perbezaan antara parti sama ada dari segi ideologi atau cara perjuangan pemimpin telah membawa kepada perpecahan antara mereka dan ini secara tidak langsung membawa kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal.

Perpecahan dan Persaingan

Perbezaan antara parti seperti yang saya terangkan di atas telah menunjukkan kelemahan-kelemahannya yang tersendiri. Sistem berbagai parti menghalang penubuhan pemerintahan yang kukuh dan stabil. Pembentukan Kabinet yang ditubuhkan atas dasar

³⁷D.N.Audit dilahirkan di Bangka pada tahun 1923 dan memasuki Sekolah Ekonomi di Bandung. beliau menjelajah ke China dan Vietnam selepas pemberontakan Madiun.Kembali memainkan peranan penting selepas 1957 dan PKI mencapai kemajuan luar biasa dan menjadi parti yang penting. Lihat D.N.Audit, Revolusi; Angkatan Bersendjata dan Partai Komunis, Pembaruan, Jakarta, 1964, hlm.30.Lihat juga D.N.Audit, Marxisme dan Pembinaan Nasional Indonesia, Jakarta, 1964, hlm.38.

³⁸M.H.Lukman dilahirkan di Jawa Tengah pada tahun 1920 dan selepas pemberontakan Madiun 1948 turut serta bersama Audit ke luar negara.Beliau juga memainkan peranan penting sehingga PKI menjadi parti yang kuat dalam politik Indonesia.Lihat Hindley,D, The Communist Party of Indonesia, 1951-1963, Berkeley dan Los Angeles, The University of California Press, 1964,hlm.29.

³⁹Nyoto dilahirkan di Jawa Timur pada tahun 1925. Pada tahun 1947,beliau menjadi wakil PKI dalam KNIP.Beliau Memainkan peranan penting dan telah berusaha keras sehingga PKI mendapat kedudukan istimewa dalam pilihanraya umum 1955. Lihat Ibid.

⁴⁰Lihat Pidato Ulang tahun hari Kemerdekaan 17 Augustus 1964.

kerjasama juga tidak dapat menguatkan sistem Demokrasi Liberal kerana persamaan yang amat sedikit antara parti-parti ini⁴¹ PNI dan Masjumi merupakan dua buah parti yang mempunyai penyokong yang ramai dan pemerintahan yang stabil hanya dapat dibentuk jika kedua-dua parti ini mempunyai kerjasama yang erat.⁴² Walau bagaimanapun persaingan di antara kedua-dua parti selepas tahun 1950 amat ketara⁴³ sehingga sering berlaku penggantian Kabinet.

Pertentangan hebat di antara kedua parti ini sangat ketara semasa Kabinet Natsir.⁴⁴ Selepas mendapat Kemerdekaan dari Belanda, rakyat harapkan satu pemerintahan yang kukuh pada tahap Demokrasi Liberal yang sebenar ini. Kabinet Natsir ini adalah Kabinet yang dibentuk oleh Masjumi tanpa sokongan PNI yang juga terkuat di Parlimen. PNI tidak menyertai Kabinet Masjumi kerana tidak menawarkan jawatan Menteri seperti yang dikehendakinya. Bagaimanapun, Kabinet Natsir ini tumbang kerana masalah Irian Barat. Dikatakan Kabinet Natsir tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kembali Irian-Barat dan ini menjadi alasan untuk menumbangkan Kabinet Natsir.⁴⁵

⁴¹Lihat Soedjatmoko,"The Role of Political Parties in Indonesia",dalam,Philip Thayer, Nationalism,hlm.66. Lihat juga Miriam S.Budiarjo, Evolution Toward Parliamentary Government in Indonesia: Parties and Parliament, Georgetown Universty, 1955, hlm.121-122.

⁴²Pilihanraya umum 1955 tidak memberikan majoriti mana-mana parti politik. Ini menyebabkan pembentukan Kabinet biasanya bergantung kepada kerjasama antara parti utama.Lihat Herbert Feith, Indonesian Elections, hlm.57.

⁴³Seperti yang diketahui tahun 1949-1957 merupakan tempoh Demokrasi Liberal dan perpecahan yang berterusan antara parti utama berlanjut...

⁴⁴Kabinet Natsir dari 6 September 1950- 27 April 1951. Kabinet ini dibentuk dengan kerjasama parti lain seperti PSI, Parindra,Partai Katolik, Parti Demokrat, Parkindo dan PSII.Lihat Susan Finch, Indonesia Cabinets, hlm24.

⁴⁵Kabinet Natsir dituduh sebagai tidak serius dan tidak mempersoalkan masalah Irian-Barat. Irian Barat menjadi rebutan antara Indonesia dengan Belanda.Lihat Ide Anak Agung Gde Agung, Twenty Years Indonesian Foreign Policy, 1945-1965, Paris, 1973, hlm.1980.

Kemudian untuk mengimbangkan kedudukan kedua-dua parti ini satu Kabinet kerjasama di antara kedua-dua parti ditubuhkan iaitu Kabinet Sukiman⁴⁶. Harapan untuk melihat satu Kabinet yang stabil juga tidak berjaya kerana terdapat banyak perkara yang mendapat tentangan di Parlimen. Kedua-dua parti ini iaitu Masjumi dan PNI sendiri tidak setuju dengan beberapa soal yang melibatkan kedua-dua parti ini. Akhirnya, Kabinet Sukiman tumbang kerana persetujuan bantuan ekonomi dan persenjataan dari Amerika Syarikat kepada Indonesia. Persetujuan ini dikatakan menimbulkan keraguan tentang dasar luar negeri bebas-aktif yang diamalkan oleh Indonesia kerana adanya persetujuan ini Indonesia dikatakan sudah memasuki Blok Barat.⁴⁷

Dalam masa Demokrasi Liberal ini dari tahun 1950-1951, sudah ada dua Kabinet dan rata-rata setiap satu ini memerintah 1 tahun sahaja. Ini menyukarkan Kabinet menjalankan program seperti yang dirancangkan. Selepas tumbangnya Kabinet Sukiman, Pembentukan Kabinet kali diterajui oleh parti PNI. Wilopo menjadi Perdana Menteri. Kabinet Wilopo juga menghadapi pelbagai masalah seperti peristiwa 17 Oktober 1952 yang melibatkan tentera darat,⁴⁸ kumpulan seperatis dan masalah para setinggan. Peristiwa 1952 yang melibatkan tentera darat telah pun melemahkan Kabinet Wilopo dan masalah setinggan menjadi kemuncak kepada kejatuhan Kabinet ini. Pembentukan Kabinet kerjasama diantara Masjumi dan PNI telah membawa kepada perpecahan dan persaingan di antara kedua-dua parti. Sikap mementingkan kepentingan parti menyebabkan PNI membuat keputusan untuk membentuk Kabinet sendiri tanpa

⁴⁶ Kabinet Sukiman berkuasa dari 27 April 1951-3 April 1952. Kabinet kerjasama ini diterajui oleh parti Masjumi. Lihat Presidential Decree 80/1951(April 27, 1951).

⁴⁷ Pedoman, 27 Maret 1956.

⁴⁸ A.H. Nasution, "Tentang Peristiwa 17 Oktober 1952", Sinar Harapan, 9 November 1972.

Masjumi. Kabinet Ali Sastrodamijojo I merupakan Kabinet tanpa Masjumi.⁴⁹ Kabinet ini tumbang kerana masalah yang ditimbulkan oleh tentera tentang calon kerajaan sebagai Ketua Turus Tentera. Parti-parti lain juga turut memainkan peranan penting dalam politik Indonesia sehingga membawa kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia.

Parti-parti lain

Selain parti PNI dan Masjumi perpecahan dan persaingan juga turut berlaku dalam parti-parti lain. Parti berteraskan Islam seperti Masjumi dan NU merupakan dua musuh yang selalu bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pengaruh dalam politik. PKI tidak diterima oleh mana-mana parti kecuali Sukarno. Sukarno menggunakan PKI untuk mengurangkan persaingan parti-parti politik utama yang lain⁵⁰. PKI pula yang baru pulih dari peristiwa pemberontakan tahun 1948 mengubah taktik dengan mencari sekutu politik dan ia lebih merapati Sukarno. PKI di bawah pemimpin-pemimpin muda seperti D.N.Audit dan Nyoto telah membuat keputusan untuk menyokong idea-idea Presiden seperti menentang imprealisme Belanda dan menyokong dasar-dasar kerajaan terhadap isu Irian-Barat⁵¹.

Semasa Kabinet Wilopo boleh dikatakan ada semacam hubungan yang baik antara PKI dan PNI. PNI mahu menggunakan PKI untuk mengimbangi perpisahan parti-parti Islam seperti Masjumi, NU dan lain-lain lagi. Parti PKI ditentang oleh semua parti

⁴⁹Kabinet Sastroadmijojo berkuasa dari Jun 1953-Julai 1955.Lihat Keterangan dan Djawapan Pemerintah Tentang Program Kabinet Ali Sastroadmijojo II, Djakarta, 1956.

⁵⁰Sukarno juga memberi sokongan kepada PKI kerana mahu menjadikan PKI sebagai pengimbang kuasa antara tentera dengan Sukarno. Pada masa itu,Tentera kuat kerana mempunyai kekuatan senjata dan PKI boleh dijadikan penyokong kuat Sukarno jika tentera berpaling tada. Lihat juga Brackman, Indonesian Communism, New York,1963.

⁵¹Lihat D.N.Audit, Membela Pancasila,Pembaruan,Djakarta,1964, hlm.5.Lihat juga D.N.Audit, Marxisme dan Pembinaan Nasional Indonesia, Jakarta,1964, hlm.38.

termasuk PSI dan Parti Murba. Parti Murba juga penentang kuat PSI⁵². Persaingan dan tidak adanya kerjasama yang erat membawa kepada kegagalan Demokrasi Liberal.

Kritikan

Pada pendapat saya, salah satu sebab kegagalan Demokrasi Liberal di Indonesia ialah persaingan antara parti tanpa menghiraukan kepentingan negara. Kestabilan politik di Indonesia hanya dapat dijamin oleh empat parti utama iaitu PNI, Masjumi, NU dan PKI. Namun persaingan yang tidak mengenal batasan membawa kepada hilang kepercayaan rakyat terhadap parti-parti ini. Mungkin boleh dipersoalkan di sini, apakah rasional menjatuhkan sesuatu Kabinet yang telah mengambil tindakan tegas untuk kestabilan negara? Contohnya, Kabinet Wilopo dari parti PNI ditumbangkan kerana tindakan menghalau setinggan dari ladang pertanian di Sumatera Timur.⁵³ Begitu juga dengan Kabinet Sukiman ditumbangkan kerana tindakan mengenai pakatan keselamatan dengan Amerika Syarikat.⁵⁴

Di sini ternyata, tujuannya ialah mahu menguasai kuasa pemerintahan negara. Seperti yang dikatakan oleh Sukarno penggantian Kabinet yang bersilih ganti membawa kepada ketidak stabilan politik negara. Masalah lain seperti kemelesatan ekonomi, inflasi, rasuah, gerakan seperatis dan banyak lagi menanti tindakan Kabinet tetapi ia tidak berhasil.⁵⁵ Semua parti politik tidak mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama

⁵²PSI diketuai oleh Sjahrir dan Parti Murba diketuai oleh Tan Malaka. Kedua-dua parti menganut saharam sosialisme.

⁵³Peristiwa ini juga terkenal sebagai Peristiwa Tanjung Morawa. PKI menggunakan kesempatan ini untuk menghasut masyarakat setinggan untuk menentang Kabinet Wilopo dan akibatnya, Kabinet Wilopo hilang sokongan di Parlimen. Lihat Antara, 17 Maret 1953.

⁵⁴Lihat Wilopo S.H., Zaman Pemerintahan Partai-partai, hlm.28-29.

⁵⁵Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 1957. Lihat juga G.M.Kahin, Government and Politics, hlm.272.

lain walaupun mereka berteraskan kepada fahaman yang sama. PSI (Parti Sosialis Indonesia) tidak disukai oleh Parti Murba dan kedua-dua parti ini menentang PKI. Masjumi ditentang hebat oleh NU. Parti Masjumi dan NU menentang PKI, PSI dan Parti Murba. PNI tidak dapat berkerjasama dengan Masjumi, PSI, NU dan PKI⁵⁶.

Perpecahan dan persaingan ini seolah-olah tidak kesudahan sehingga timbul masalah serius yang lain seperti gerakan seperatis. Sukarno telah menggunakan kesempatan ini untuk menunjukkan keburukan sistem Demokrasi Liberal dan kelemahan sistem banyak parti. Akhirnya, rakyat juga menerima konsepsi Presiden dan ini kemudian ia merintis jalan kepada pengenalan Demokrasi Terpimpin. Salah satu sebab kegagalan Demokrasi ini pada tahap 1949- 1957 ini ialah kelemahan parti-parti itu yang lebih mementingkan kepentingan parti dari negara.

Konflik Individu

Konflik peribadi antara individu juga merupakan satu sebab utama yang membawa kegagalan sistem Demokrasi Liberal. Konflik peribadi antara individu ini bukan sesuatu yang baru dalam sejarah Indonesia. Sejak zaman penjajahan Belanda hingga ke zaman Demokrasi Liberal ia berlanjut. Konflik peribadi antara individu khususnya antara pemimpin menyebabkan mereka lebih bercita-cita untuk menyingkirkan satu sama lain tanpa memikirkan kepentingan negara dan rakyat. Konflik peribadi ini sudah bermula sejak zaman penjajahan Belanda lagi.⁵⁷ Seperti yang saya

⁵⁶Walaupun mempunyai ideologi yang sama namun perbezaan pendapat antara satu sama lain membawa persengketaan yang perpanjangan. Kesemua parti ini mempunyai pendapat individu yang berbeza berbanding dengan ideologi parti.

⁵⁷Sukarno, "Mohammad Hatta-Stokvis" dan "Djawab Saja Pada Saudara Hatta" Dalam Dibawah Bendera Revolusi, hlm.87 .dan .207.

terangkan di awal-awal lagi perbezaan pendapat antara Sukarno dengan Hatta juga memainkan peranan penting sehingga membawa kegagalan sistem Demokrasi Liberal.

Konflik Sukarno-Hatta

Sukarno dan Hatta sepanjang perjuangan Kemerdekaan Indonesia, adakalanya mempunyai pendapat yang berbeza dan adakalanya terpaksa mengetepikan perbezaan mereka demi mencapai Kemerdekaan Indonesia. Semasa pendudukan Jepun, kedua-dua pemimpin ini pernah berkerjasama demi kepentingan negara. Sukarno dalam otobiografinya telah menerangkan keadaan ini seperti berikut:

"You and I have gone through a deep quarrel period," I said. "although there was a time we may not have loved each other, we now have a job far bigger than either of us. Differences in terms of party or strategy no longer exist. Today we are one. United in the common struggle"⁵⁸

Namun semua ini tidak dapat dikekalkan selepas mendapat Kemerdekaan. Walaupun pada tahap Demokrasi Liberal iaitu dari tahun 1949-1957, Sukarno dan Hatta dapat berkerjasama, tetapi gerakan seperatis di daerah-daerah luar dari Pulau Jawa telah memburukkan hubungan kedua-dua pemimpin tertinggi ini.⁵⁹ Hatta yang tidak puas hati dengan tindakan Sukarno terhadap pemberontak telah pun meletakkan jawatan sebagai wakil Presiden pada 1 Disember 1956.⁶⁰

Boleh dikatakan selepas ini tidak ada hubungan langsung di antara kedua-dua pemimpin. Hatta selepas letak jawatan telah mendiamkam diri dan jarang terlibat dalam

⁵⁸Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.173.

⁵⁹Peristiwa rampasan kuasa yang berlaku pada Disember 1956 ditiga buah wilayah iaitu Sumatera Utara, Sumatera Tengah dan Sumatera Selatan telah menamatkan peranan Dwi-tunggal Sukarno-Hatta. Lihat Satyavati S.Jhaveri, The Presidency in Indonesia, hlm.202. Lihat Soeripto, Putra Djaja, Kegagalan Pemberontakan Kolonel Husein, Surabaya, 1958, hlm.13. Lihat juga Indonesia Raja, 2 Februari 1957.

⁶⁰Pedoman, 19 September 1957, hlm.1.

sebarang aktiviti politik. Walaupun ada usaha-usaha untuk menyatukan kedua-dua pemimpin pada masa itu, namun Sukarno tetap dengan pendirian beliau yang mahu membentuk Demokrasi Terpimpin. Kebanyakan pemimpin pada masa itu berpendapat bahawa cara terbaik untuk memulihkan perpaduan nasional ialah dengan melantik Hatta kembali kejawatan asal⁶¹. Konflik peribadi di antara kedua-dua pemimpin ini yang berlanjutan akhirnya terhenti dengan perletakkan jawatan Hatta. Sukarno menggunakan kesempatan ini untuk meneruskan agenda politik beliau yang sudah dicita-citakan begitu lama dengan memperkenalkan Demokrasi Terpimpin.

Selain Hatta, Sjahrir juga mempunyai konflik peribadi dengan Sukarno dari awal-awal lagi. Hubungan kedua-dua tokoh ini dikatakan lebih buruk berbanding hubungan di antara Sukarno dengan Hatta.

Sukarno dan Sjahrir

Sjahrir dari awal lagi tidaklah begitu setuju dengan cara politik Sukarno yang lebih menonjolkan "Heroisme" Sukarno. Selepas peristiwa Proklamasi Kemerdekaan dan seterusnya dalam pembentukan Kabinet, Sjahrir telah memainkan peranan penting sehingga kuasa Presiden dihadkan dan dipisahkan dari kedudukan eksekutif.⁶² Memang banyak lagi perkara yang dilakukan oleh Sjahrir tidak menyenangkan Sukarno. Sukarno sangat benci Sjahrir berbanding dengan Hatta. Ini boleh dilihat dalam otobiografi beliau yang mengkritik Sjahrir seperti berikut:

"Sjahrir was the one stirring up the pemudas. Never to my face but, secretly, always he sneered, "Sukarno is Crazy... Sukarno is Japanese-minded... Sukarno is a coward." He was vicious. And what actually did Sjahrir do for the Republic? Nothing except

⁶¹ Berita Republik Indonesia, No.1, Tahun 1, 17 November 1945, hlm.3. Lihat juga G.M.Kahin, Goverments and Politics, hlm268,

⁶² G.M.Kahin, Nationalism and Revolution in Indonesia, hlm.153.

*criticize me. While I was taking hammer blows on the head, his entire underground effort can be summed up by saying he sat quietly and safely away somewhere listening to a clandestine radio. He was the one issuing bulletins about the surrender in those last urgent days.*⁶³

Peristiwa yang berlaku di Brastagi dan Prapat dikatakan sangat penting sehingga Sukarno membenci Sjahrir. Semasa menjadi tahanan politik Belanda pada tahun 1948 Sukarno, Sjahrir dan Agus Salim ditahan dalam satu kumpulan manakala Hatta dan pemimpin-pemimpin lain di dalam kumpulan yang lain.⁶⁴ Seperti yang diketahui kedua-dua tokoh ini mempunyai gaya kepimpinan yang berlainan antara satu sama lain. Sukarno lebih kepada menarik sokongan massa dengan sandiwara politik yang bijak, manakala Sjahrir dikatakan lebih kritisikal dalam hal ehwal politik.

Menurut cerita, dikatakan semasa mereka berhenti di Berastagi sebelum menyambung perjalanan ke Prapat, Sukarno telah meminta kemeja Arrow dan barang-barang kecil dari pegawai Belanda. Kelakuan Sukarno ini telah dikritik dengan hebat oleh Sjahrir yang mengatakan ini bukan sifat seorang Presiden.⁶⁵ Sjahrir juga pernah menuduh Sukarno sebagai seorang bodoh dan pernah memarahi Sukarno dengan mengatakan dia bukan lagi Presiden Indonesia⁶⁶. Sukarno pernah menerangkan tentang hubungannya dengan Sjahrir dalam otobiografi seperti berikut:

*"To be living together as exiles 24 hours a day does not make for harmony and when two of the exiles are Sjahrir and Sukarno it is not harmonious at all. Whenever he had the opportunity, no matter who was around, Sjahrir cursed me. In front of anybody he would yell to my face, "you are stupid, Sukarno. You are plain, bloody old fool, that's what"*⁶⁷

⁶³ Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.210.

⁶⁴ Mula-mula para tahanan dibawa ke Pulau Bangka. Dari sini Sukarno, Sjahrir dan Agus Salim di bawa ke Brastagi dan kemudiannya ke Prapat, sebuah tempat istirahat di Danau Toba. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.256-257.

⁶⁵ Banyak lagi peristiwa-peristiwa yang menarik tentang kedua-dua tokoh ini dikemukakan dalam buku ini. Lihat J.D. Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.271-272.

⁶⁶ Sejak peristiwa ini, Sukarno sangat benci Sjahrir. Walaupun ada ketika beliau dapat berkerjasama tetapi itu adalah untuk 'survival' politiknya. Bila tiba masa yang sesuai, Sukarno bertindak menamatkan peranan Sjahrir dalam politik nasional. Ibid.

⁶⁷ Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.258.

Memang banyak lagi insiden-insiden seperti ini boleh diketengahkan. Perselisihan yang bersifat peribadi ini berkembang menjadi permusuhan Sukarno terhadap Sjahrir dan fikiran-fikiran politik beliau. Sukarno menunggu masa yang sesuai untuk bertindak terhadap pemimpin seperti ini. Kebetulan konsep Demokrasi Terpimpin yang diciptanya telah digunakan untuk bertindak terhadap pemimpin-pemimpin yang menentangnya. Selepas Demokrasi Terpimpin diperkenalkan, Sjahrir telah dikenakan kawalan ketat dan tidak dapat aktif lagi dalam politik⁶⁸.

Konflik peribadi antara individu ini bukan sahaja berlaku di antara tiga pemimpin ini tetapi juga di antara pemimpin-pemimpin lain. Sjahrir juga tidak mempunyai hubungan baik dengan pemimpin lain termasuk Tan Malaka.

Sjahrir dan Tan Malaka

Tan Malaka telah menggunakan kesempatan melalui Persatuan Perjuangan untuk menjatuhkan Kabinet Sjahrir.⁶⁹ Sjahrir telah bertindak menangkap Tan Malaka dan pemimpin-pemimpin lain. Konflik peribadi antara pemimpin-pemimpin seperti ini memberi satu kekuatan kepada Sukarno untuk bertindak memperkenalkan Demokrasi Terpimpin. Di kalangan pemimpin lain, mereka tidak bersatu dan kebanyakan pemimpin ini juga tidak mempunyai sokongan massa seperti yang ada pada Sukarno.⁷⁰ Kedua-dua pemimpin ini pada dasarnya tidak begitu bersetuju dengan pemerintahan Sukarno dan pernah menentang idea Sukarno yang mahu memperkenalkan Demokrasi Terpimpin.

⁶⁸Berita Repoebliek Indonesia, No.7,Tahun II, 1 Februari 1946, hlm.56.

⁶⁹Bernhard Dahm, Sejarah Indonesia, hlm.162.

⁷⁰Sjahrir dan Tan Malaka menjadi musuh ketat dan tidak pernah bersatu dalam apa keadaan sekali pun untuk menentang Sukarno.Persatuan Perjuangan menyebabkan hubungan mereka bertambah buruk.Lihat Merdeka, 1 September, 1948.Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 1 Oktober 1946.

Penentangan ini tidak dijuruskan dalam persatuan yang kuat dan ini menyebabkan Sukarno dapat bertindak terhadap pemimpin-pemimpin dengan mudah sekali. Selain Tan Malaka, Sjahrir dan Amir Sjarifuddin yang dikatakan berfahaman Sosialis juga mempunyai konflik peribadi sehingga timbul masalah di antara kedua-dua pemimpin ini.⁷¹

Sjahrir dan Amir Sjarifuddin

Hubungan di antara Sjahrir dan Sjarifuddin menjadi renggang selepas pertengahan tahun 1947.⁷² Perpecahan dalam parti Sosialis juga ketara kerana konflik peribadi di antara kedua-dua tokoh ini. Kesannya, dalam pilihan raya umum 1955, parti Sosialis kalah teruk untuk kerusi Parlimen. Faktor lain, seperti sikap pemimpin yang tidak konsisten dalam sesuatu masalah negara juga menyebabkan rakyat Indonesia hilang kepercayaan terhadap pemimpin-pemimpin ini. Contohnya, Amir Sjarifuddin telah menandatangi Perjanjian Renville dengan Belanda semasa menjadi Perdana Menteri tetapi beliau mendesak untuk membatalkan Perjanjian yang sama selepas beliau tidak memegang jawatan itu.⁷³ Hubungan dan sikap yang tidak kekal di antara pemimpin ini telah memudahkan Sukarno untuk bertindak terhadap musuh-musuh politik serta dengan mudah memperkenalkan Demokrasi Terpimpin kerana rakyat juga mahukan kerajaan yang stabil. Selain konflik peribadi antara pemimpin, pihak tentera juga memainkan peranan sehingga membawa kegagalan Demokrasi Liberal.

⁷¹ Sjahrir dan Sjarifuddin mendukung fahaman Sosialis tetapi Sjarifuddin mendakwa beliau berpegang kepada ideologi Komunis dan sudah lama menjadi ahli Komunis.

⁷² Lihat Merdeka, 12 Juli 1948. Lihat juga G.M.Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism", hlm.89.

⁷³ Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1949.

Peranan Tentera

Sejak penubuhan Tentera Nasional Indonesia peranan tentera sangat menonjol dalam politik Indonesia. Zaman pendudukan Jepun dan zaman Revolusi telah memberikan kedudukan yang penting kepada golongan tentera dalam politik Indonesia. Tindakan tentera melawan pihak Belanda telah menaikkan imej tentera sebagai pembela tanah air yang sejati.⁷⁴ Pemimpin tentera seperti General Sudirman berpendapat, tentera sebagai pengasas utama Kemerdekaan Indonesia mempunyai peranan utama dalam menentukan perjalanan dasar negara. Peranan tentera bertambah hebat selepas Indonesia mendapat Kemerdekaan dari Belanda dan kita boleh lihat dalam keadaan-keadaan tertentu tentera mempunyai pengaruh yang kuat sehingga ada Kabinet yang boleh ditumbangkan.⁷⁵ Contohnya, Kabinet Ali Sastroadmijojo I tumbang kerana keengganan golongan tentera menerima calon yang dikemukakan oleh tersebut.

Indonesia selepas mendapat Kemerdekaan dari Belanda telah menghadapi masalah kewangan yang serius. Untuk mengatasi masalah ini, maka pemerintah pada masa itu telah membuat keputusan untuk mengurangkan jumlah anggota tentera yang ramai dan mahu membubarkan pasukan-pasukan tertentu. Tindakan kerajaan ini mendapat tentangan hebat dari pihak tentera. Kebanyakan anggota tentera tidak berpuas hati terhadap kerajaan pada masa itu. Mereka berpendapat kerajaan suka campurtangan dalam hal-ehwal tentera. Tentera juga tidak berpuas hati dengan ahli Parlimen kerana mereka menggunakan kuasa politik untuk kepentingan mereka dan ramai dari ahli Parlimen ini terlibat dalam kegiatan rasuah. Pemimpin tentera berpendapat masalah

⁷⁴Lihat 40 tahun Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, hlm.11.Lihat juga Amanat Panglima Besar Soedirman 7 Juni 1946; Kumpulan Amanat Panglima Besar Djendral Soedirman, Djakarta, 1970, hlm.16. dan juga A.H.Nasution, Tentera Nasional Indonesia II, Djakarta, 1968, hlm.86.

⁷⁵J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.304.

seperti rasuah yang sepatutnya menjadi agenda utama untuk dibasmi oleh ahli Parlimen bukannya masalah yang remeh-temeh seperti mengurangkan jumlah anggota tentera yang ramai. Golongan tentera beranggapan bahawa tentera sangat penting untuk mengekalkan Kemerdekaan yang diperolehi dari penjajah asing.

Rasa tidak puas hati terhadap kerajaan pada masa itu menyebabkan berlakunya peristiwa 17 Oktober 1952⁷⁶ iaitu satu percubaan dari segolongan pemimpin tentera untuk memaksa Presiden Sukarno membubarkan Parlimen. Peristiwa 17 Oktober 1952 jelas menunjukkan tentera sudah mula melibatkan diri dalam politik negara Indonesia. Dalam tempoh tahun 1949 hingga 1957 boleh dikatakan tentera sudah mempunyai kedudukan yang penting dalam politik nasional. Kemuncak peranan tentera ialah mematahkan pemberontakan golongan seperatis di luar Pulau Jawa telah memberi imej yang tinggi kepada pihak tentera.

Peranan tentera yang sangat menonjol ini menyebabkan mereka juga turut memainkan peranan penting dalam politik Indonesia. Semua parti politik dan pemimpin telah menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan sokongan tentera.⁷⁷ Ketua Angkatan Tentera juga telah menggunakan kesempatan ini untuk menguatkan kedudukan beliau dalam arena politik. Dikatakan salah satu faktor yang membawa kepada pengenalan sistem Demokrasi Terpimpin ialah peranan pihak tentera dan kenyataan di bawah ini membuktikannya:

"Though it was not always evident, because of the dominating figure of Sukarno, the main driving force behind Guided Democracy was the army. Its offices were contemptuous of the old Democracy system and most of its civilian leaders. They were angry at the confusion of political parties, the corruption, the ideological strife, the political instability, all of which they believed, in simplistic fashion, was to

⁷⁶A.H.Nasution, "Tentang Peristiwa 17 Oktober 1952" Sinar Harapan, 9 November 1972.

⁷⁷40 Tahun Bersenjata Republik Indonesia, hlm11. Lihat juga Merdeka, 13 November 1947.

*blame for the lack of progress in the country and for the divisions within the army and the nation*⁷⁸

Dalam pada itu, golongan tentera juga diberikan kedudukan yang istimewa dan memperolehi kedudukan dari segi legislatif dalam fungsi sosial politiknya⁷⁹ bersama golongan fungsional yang lain. Di bawah dasar Demokrasi Terpimpin ini, pihak tentera telah memperkuatkan kedudukan mereka melalui pengambil-alihan jawatan dari pihak Belanda yang sudah meninggalkan negara Indonesia. Jenderal Nasution, Ketua Angkatan Tentera pada masa itu yang juga merupakan orang rapat Sukarno. Beliau menjadi orang yang penting dalam mengawal hal-ehwal politik dan awam.⁸⁰

Kebanyakan anggota tentera ini memberi kesetiaan mereka kepada ketua daerah mereka dan bukannya kepada Ketua Turus Tentera yang berpusat di Jakarta. Oleh itu, panglima tentera mempunyai banyak kebebasan dalam perkara-perkara ketenteraan dan mereka juga mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pemerintah awam di wilayah mereka. Terdapat beberapa insiden yang kurang menyenangkan yang melibatkan tentera. Contohnya, Panglima Tentera Division Jawa Barat telah mengeluarkan perintah menangkap Roeslan Abdulgani yang merupakan Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri atas sebab rasuah. Masalah ini dapat diselesaikan selepas campurtangan Ali Sastrodmijojo yang merupakan Perdana Menteri pada masa itu.

Insiden yang kedua pula ialah melibatkan Kolonel Zulkifli Lubis, wakil Ketua Tentera Darat yang cuba membuat rampasan kuasa di Jakarta, tetapi usaha ini dapat diketahui lebih awal dan dapat dipatahkan dengan mudah. Insiden seterusnya ialah

⁷⁸ Daniel S. Lev, The Transition to Guided Democracy, hlm.25.

⁷⁹ Untuk keterangan lanjut tentang latarbelakang tentera, cara memperolehi kuasa dan penglibatan secara serius dalam politik, lihat ULF Sundhaussen, Politik Militer Indonesia 1945-1967: Menuju Dwi Fungsi ABRI LP3ES, 1986, hlm.241.

⁸⁰ Herbert Feith, "Indonesia", hlm.211 dan juga Yahya A. Muhammin, Perkembangan Militer, hlm.71.

gerakan seperatis yang dikemudikan oleh Kolonel Ahmad Hussein di Sumatera yang mahukan Kabinet dan Presiden digantikan. Ini menunjukkan satu senario politik yang kurang menyenangkan. Keadaan ini jelas menggambarkan pihak tentera kurang puas hati dengan sistem Demokrasi Liberal dan Sukarno telah menggunakan kesempatan ini dengan baik untuk menjayakan misi politik beliau.

Tentera juga tidak begitu bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Demokrasi Liberal. Golongan tentera ini mengambil kesempatan yang terluang melalui sistem Demokrasi Terpimpin untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Pada pendapat saya, tentera juga memainkan peranan penting sehingga membawa kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal. Selepas pengenalan Demokrasi Terpimpin, boleh dikatakan tentera mempunyai peranan utama dalam politik Indonesia dan ia berterusan sehingga hari ini. Faktor lain yang turut menyumbang kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal ialah faktor ekonomi. Kegagalan para pemimpin untuk memberikan tumpuan serius terhadap faktor ini juga turut membawa kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia.

Ekonomi yang tidak seimbang

Harapan rakyat yang bercita-cita untuk mencapai satu kehidupan yang mewah dan selesa selepas Merdeka nampaknya tidak tercapai kerana situasi politik yang tidak begitu stabil. Sebelum Kemerdekaan dan selepasnya pemimpin dan pemerintah menjanjikan satu pemerintahan nasional yang stabil dan kuat. Mereka berjanji untuk membina satu angkatan tentera yang kuat, memberi tumpuan kepada industri moden dan secara langsung mahu mempertingkatkan taraf hidup rakyat melalui memajukan sektor

pertanian moden dan mahu memperkenalkan satu keperibadian bangsa Indonesia.⁸¹ Semua janji-janji ini tinggal sebagai janji politik tanpa tindakan tegas.

Walaupun begitu, kenaikan harga barang eksport ini termasuk getah tiba-tiba mula jatuh dan negara Indonesia semakin banyak berhutang.⁸² Semasa mendapatkan Kemerdekaan dari Belanda, para pemimpin Indonesia telah bersetuju untuk menerima hutang tanggungan pemerintah Belanda. Hutang yang banyak ini telah membebankan kerajaan Indonesia dan tambahan pula zaman pendudukan Jepun telah menambahkan keperitan ekonomi Indonesia.⁸³ Jumlah hutang yang perlu ditanggung oleh Indonesia ialah seperti berikut:

*"We agreed to incur the debts of former Netherlands East Indies regime amounting to 1,130,000,000 dollars. To saddle an underdeveloped colonized country which had suffered extensive devastation from three years occupation and four years of revolution with a sum of such magnitude was unfair."*⁸⁴

Untuk mengatasi masalah ekonomi yang serius ini kerajaan telah mencetak lebih banyak dan pencetakan wang yang berlebihan ini telah menyebabkan indeks pengguna meningkat sebanyak 10 peratus setahun.⁸⁵ Kabinet Burhanuddin Harahap yang menguasai pemerintahan dari tahun 1955-1956 telah berusaha sedaya upaya untuk mengimbangi perkembangan ini. Boleh dikatakan tindakan ini berkesan dan tindakan menstabilkan ekonomi agak berjaya kerana waktu ini terdapat kenaikan yang sedikit dalam barang eksport seperti getah, minyak, kelapa, kopi, teh dan tembakau⁸⁶. Selepas 1956 harga

⁸¹Lihat Pidato Presiden Sempena Ulang Tahun Kemerdekaan 1957.

⁸²G.M.Kahin, Goverments and Politics, hlm.258. Lihat juga Ralph Anspach, The Problem of a Plural Economy and its effects on Indonesia's Economy, Ann Arbor, hlm.212.

⁸³Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.262.

⁸⁴Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 17 Augustus 1956.

⁸⁵Douglas S.Paauw, Financing Economic Development: The Indonesian Case, Glencoe, 1959, hlm.65. Lihat juga Indonesia Raya, 28 Mei 1973.

⁸⁶Kementerian Penerangan, Exim Bank, Jakarta, 1952, hlm.4. Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 1957.

barangang eksport jatuh dengan mendadak . Ini membawa masalah besar kepada ekonomi Indonesia. Rakyat sangat menderita akibat kemelesatan ekonomi ini. Rakyat Indonesia telah dijanjikan dengan bermacam-macam keseronokan kehidupan selepas Kemerdekaan semua harapan ini tidak menjadi kenyataan. Harapan rakyat terhadap setiap Kabinet yang memerintah untuk mengatasi masalah ini tidak menampakkan hasil. Parti dan pemimpin lebih mementingkan kepentingan politik masing-masing daripada mengatasi masalah seperti ini.

Pilihan raya umum yang menjadi harapan terakhir juga gagal membawa penyelesaian kepada ekonomi Indonesia. Dalam keperitan ekonomi yang membebankan ini, tindakan Sukarno yang drastik terhadap dasar-dasar kerajaan keatas pedagang-pedagang Belanda membawa padah yang teruk kepada rakyat Indonesia. Tindakan pemerintah mengambil-alih perdagangan dan semua kepentingan Belanda telah menjelaskan ekonomi Indonesia dengan lebih teruk lagi.⁸⁷

Sukarno berpendapat Revolusi fasa politik memang sudah dicapai tetapi Revolusi belum selesai dan masih harus diteruskan dan kali ini Revolusi fasa sosial-ekonomi. Revolusi fasa ekonomi harus dipercepatkan agar masyarakat Indonesia dapat mencapai keadilan sosial:

*"A battle against remnants of colonial-economic exploitation, a battle against poverty itself, a battle for economic welfare for all"*⁸⁸

Sukarno berpendapat jika dahulu berjaya mengadakan Proklamasi walaupun kebanyakan rakyat Indonesia tidak tahu membaca dan menulis dan keadaan tidak tersedia, kenapakah kini tidak boleh melakukan Revolusi fasa ekonomi. Ucapan retorik

⁸⁷John Paul Meek, The Government and Economic Development in Indonesia, Ann Arbor, 1965, hlm.282.

⁸⁸Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan, 1957.

seperti ini nampaknya ada kebenaran tetapi dalam keadaan sebenar, ia membawa kesan yang buruk kepada rakyat Indonesia. Sukarno demi kepentingan politik telah bertindak agresif dan ia membawa kesan berpanjangan kepada ekonomi Indonesia.

Keadaan bertambah buruk apabila berlaku kebekuan perdagangan antara kepulauan, penyeludupan di luar wilayah, perang saudara antara golongan seperatis 1958 dan ditambah pula dengan lawatan tahunan presiden ke luar negeri. Faktor-faktor ini menyebabkan berlaku inflasi dan kejatuhan ekonomi pada tahun 1958 hingga 1959.⁸⁹

Kesan Ekonomi

Kemelesatan ekonomi ini telah memburukkan lagi situasi politik Indonesia. Harga makanan utama yang penting kepada rakyat jelata dan miskin seperti beras, tekstil, ikan naik dengan mendadak.⁹⁰ Harga barang ini naik dua kali ganda pada masa ini. Manakala indeks pengguna naik sehingga 25.2% kepada 53.2%. Pada tahun 1957 indeksnya ialah 25.2% dan ia naik kepada 53.3% pada tahun 1958.⁹¹ Simpanan rizab bank jatuh kepada kosong dan kadar pasaran gelap untuk dollar Amerika naik dengan mendadak. Antara tahun 1956 hingga 1959 dari tiga hingga sebelas kali ganda kadar rasmi rupiah sebanyak 11.4.⁹²

⁸⁹Sukarno melawat India, Mesir, Yugoslavia, Pakistan, Sri Langka, Burma dan akhir sekali negara Jepun. Mengikut Sukarno alasan beliau keluar negeri ketika negara menghadapi masalah dalaman yang teruk ialah kerana beliau mahu memperkenalkan Indonesia diperingkat antarabangsa dan dengan cara ini semua negara di dunia ini dapat memahami cita-cita negara Indonesia dan akan membantu Indonesia. Lihat Pidato Presiden Pada Hari Ulang Tahun Kemerdekaan 1957. Lihat juga J.D. Legge, Sukarno A Political Biography, hlm.295-296.

⁹⁰G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.251.

⁹¹Brackman A., Indonesian Communism, hlm.206.

⁹²Lihat Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 1957. Lihat juga G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.252.

Tindakan drastik

Presiden Sukarno untuk mengatasi masalah ekonomi ini telah mengambil beberapa tindakan drastik. Kerajaan bertindak dengan menurunkan nilai rupiah dari 11.40 rupiah kepada 45 rupiah untuk satu dollar Amerika. kesemua wang 500 rupiah dan 1000 rupiah diturunkan nilainya kepada sepeluh peratus daripada nilai asal.⁹³ Kesemua hutang bank melebihi 25,000 rupiah dibekukan kepada sembilan peratus nilainya dan dianggap pinjaman jangka panjang bank kepada negara. Tindakan seperti ini sebenarnya hanya dapat menyekat inflasi tetapi tidak mencapai kestabilan.⁹⁴ Orang ramai berebut-rebut ke bank untuk mengeluarkan simpanan mereka sehingga 25,000 rupiah dan ini menyebabkan bank terpaksa menghentikan pembayaran. Keadaan ini menyebabkan banyak syarikat kecil mengalami bankrup.Pada bulan Mac 1957 keadaan bertambah buruk dan ia digambarkan seperti berikut:

*"... by Mac 1957 there was in fact a deficit in foreign holdings amounting to 12 million rupiah, approximately \$1,000,000 at then legal rate of rupiah 11.40 to the dollar. Finance Minister Sitiikno Slamet told Parliament in September that the state had been approaching bankruptcy earlier in the year."*⁹⁵

Kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi ini telah meningkatkan barang eksport. Untuk itu kerajaan telah memperkenalkan satu sistem yang dikenali sebagai sistem sijil eksport (export certificate) untuk pengeksport dan mereka dapat menjalankan aktiviti eksport dengan menggunakan Sijil Eksport ini.20% daripada hasil eksport ini akan diserahkan kepada kerajaan, namun ia tidak dapat membendung masalah inflasi.

⁹³Lihat Ali Wardhana, Monetary Problems of an Underdevelopment Economy: with special reference to Indonesia, Ann Arbor, 1952,hlm.30.Lihat juga GM.Kahin, Governments and Politics, hlm.252-260.

⁹⁴Ibid.

⁹⁵Lihat Daniel S.Lev, The Transition to Guided Democracy, hlm.30.

Sistem sijil ini boleh dikatakan telah menambahkan lagi masalah inflasi. Sistem sijil eksport ini juga telah menyebabkan kenaikan harga dalam pasaran tempatan.⁹⁶

Kritikan

Pada pendapat saya, kejayaan sesebuah kerajaan banyak bergantung kepada kestabilan ekonomi negara itu. Selepas merdeka sehingga 1956 ekonomi negara Indonesia tidak pernah berada dalam keadaan yang baik. Ini adalah disebabkan oleh masalah politik negara pada masa itu. Dasar-dasar yang selalu berubah dan kabinet yang bersilih ganti menyebabkan tidak dapat membuat pembaharuan dalam ekonomi. Keadaan bertambah buruk dengan pengenalan sistem Demokrasi Terpimpin. Sukarno berjaya menyalahkan sistem Demokrasi Liberal kepada keadaan ekonomi pada masa itu.

Nampaknya segala kesempatan yang terluang telah digunakan dengan baik oleh Sukarno untuk memperkenalkan Demokrasi Terpimpin. Kebetulan dasar-dasar Sukarno yang drastik juga turut memburukkan lagi keadaan ekonomi negara Indonesia. Faktor lain seperti bergantung kuat kepada pasaran-pasaran eksport juga turut memburukkan lagi keadaan ekonomi Indonesia.

Bergantungan kepada pasaran eksport.

Pemerintahan para pemimpin Indonesia dari tahun 1949-1957 iaitu sepanjang pengenalan Demokrasi Liberal telah menyebabkan pengenalan sistem ekonomi moden dengan menggalakkan penanaman modal asing.⁹⁷ Ekonomi moden ini, membawa masalah besar kepada hasil eksport Indonesia semasa kejatuhan harga eksport.⁹⁸

⁹⁶Ibid.

⁹⁷Lihat perbincangan yang menarik tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan untuk mengeksport barang. Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy, hlm.558-559.

⁹⁸Far Eastern Economic Review, Hong Kong, 11 April 1963.

Bergantungan kuat kepada pasaran-pasaran eksport ini telah membawa kepada kemelesatan ekonomi yang teruk⁹⁹. Pada masa ini, pendapatan perkapita rakyat Indonesia telah jatuh dengan teruk. Walaupun ada usaha-usaha dari para pemerintah masa itu, tetapi ia tidak memadai untuk memulihkan ekonomi negara. Faktor bergantungan kuat kepada pasaran-pasaran eksport juga telah menjadi satu faktor penting kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia.

Walaupun pemerintah Indonesia di antara tahun-tahun 1949-1957 berjaya mengurangkan bergantungan kepada institusi sosial dan ekonomi Barat tetapi keadaan ini mengakibatkan kemerosotan dari segi jumlah pengeluaran, pembahagian eksport dan ini membawa kepada inflasi yang membebankan Indonesia.¹⁰⁰ Sukarno bertindak agresif pada Disember 1957¹⁰¹ dengan cara merampas semua firma atau perniagaan yang dimiliki oleh Belanda¹⁰². Ini telah memburukkan lagi pasaran eksport keluar negara. Ramai pedagang Belanda kembali ke luar negeri dan langkah ini diikuti oleh pedagang-pedagang Cina.¹⁰³

Sejak zaman penjajahan lagi kebanyakan perdagangan utama di Indonesia dikuasai oleh pedagang-pedagang Belanda. Aktiviti perniagaan kecil atau peranan sebagai orang tengah pula dikuasai oleh masyarakat Cina. Pada tahun 1958, penghijrahan kedua-dua golongan ini ke luar negara telah membawa inflasi yang teruk¹⁰⁴. Bermula dari

⁹⁹ Far Eastern Economic Review, Hong Kong, 6, Jun 1963.

¹⁰⁰ Far Eastern Economic Review, Hong Kong, 13 June 1963.

¹⁰¹ Tindakan Sukarno ini telah memberikan kesan ekonomi yang teruk pada negara Indonesia. Kebanyakan ahli ekonomi berpendapat tindakan Sukarno ini telah membawa masalah ekonomi yang teruk dan boleh dikatakan kerajaan menghadapi keadaan yang sukar. Tindakan seumpama ini juga dilakukan oleh Robert Mugabe di Zimbabwe. Lihat New Straits Times, 14 Ogos 2002 dan New Straits Times, 12 Ogos 2002.

¹⁰² Walaupun ini lebih merupakan kepentingan politik Sukarno tetapi tindakan yang melulu ini telah membawa masalah besar kepada pemerintahan beliau.

¹⁰³ Biro Pusat Statistik Pocketbook Indonesia, 1961, Djakarta: BPS., 1961, hlm.15.

¹⁰⁴ Lihat Herbert Feith, The Decline of Constitutional democracy, hlm.569. Lihat juga Douglas S. Paauw, Financing Economic Development, hlm.65.

tahun 1958, nisbah (Indeks) kos penghidupan di Jakarta telah naik dari 100 kepada 180¹⁰⁵. Ekonomi yang tenat menyebabkan ketersekat dalam perkembangan dalam bidang eksport dan penanaman tanaman untuk dieksport. Bergantungan selama ini kepada pasaran eksport telah terjejas dan peniaga mengambil kesempatan untuk menyorokkan barang-barang dan menjual kembali dengan harga yang lebih tinggi.¹⁰⁶ Kegagalan pemerintah untuk mengatasi masalah ini membawa kepada ketidakstabilan politik kerana rakyat menghadapi satu zaman yang penuh kesengsaraan.

Pendapatan negara merosot

Pendapatan negara makin berkurangan akibat kekurangan bahan-bahan yang dieksport. Pengeluaran getah, bijih timah dan kelapa kering telah menurun dengan mendadak. Pada tahun 1956, jumlah pendapatan dari eksport ialah 77 juta dollar Amerika untuk sebulan dan ia merosot kepada 65.3 dollar Amerika pada tahun 1961.¹⁰⁷ Perusahaan tekstil, sektor eksport yang memberi keuntungan dan pendapatan lumayan turut terjejas akibat inflasi. Jumlah eksport Indonesia terjejas kerana kebanyakan tenaga mahir pada masa itu ialah orang Belanda dan Cina. Oleh kerana dasar pemerintah menekan mereka, maka kebanyakan golongan ini telah berhijrah ke luar negara.¹⁰⁸ Kekurangan modal dan kemahiran di kalangan penduduk tempatan telah membantukan usaha untuk meningkatkan barang eksport.

¹⁰⁵The Economic Intelligence Unit, Three Monthly Economic Review, Indonesia, no.42, Oktober 1952, hlm.11.

¹⁰⁶John Paul Meek, The Government and Economic Development, hlm.282.

¹⁰⁷Lihat G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.282. Lihat juga Mr.Lukman, "Keaduan dan Keuangan Pada Waktu Sekarang Dan Jalan Keluar Mengatasinya" Menuju Ekonomi Marhaenis, Yogyakarta, hlm.39.

Kelemahan

Pada pendapat saya, kesemua masalah ini timbul kerana kelemahan pemerintah untuk menyusun satu pentadbiran yang berkesan. Pimpinan Indonesia pada masa itu lebih memberi tumpuan serius terhadap masalah kekuatan dan identiti kebudayaan Indonesia daripada menyelesaikan masalah ekonomi negara. Tiada usaha-usaha serius untuk menjadikan Indonesia sebagai sebuah negara perusahaan. Kerajaan pada masa itu lebih gembira dengan struktur masyarakat Indonesia yang sedia ada seperti menghormati pemimpin dan menghormati pejuang negara. Keadaan masyarakat seperti ini menguntungkan pemerintah kerana dapat kekal dalam kuasa pemerintahan tanpa ancaman dari mana-mana pihak. Semua keburukan yang dihadapi pada masa itu dianggap sebagai angkara pihak penjajah termasuk masalah ekonomi ketika itu. Faktor pertikaian diantara Pulau Jawa dengan Luar Pulau Jawa juga turut membawa kepada kegagalan sistem Demokrasi Liberal.

Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa.

Kelemahan pemerintah dalam menguruskan ekonomi negara telah menjelaskan hubungan antara Pulau Jawa dengan Pulau luar Jawa.¹⁰⁹ Kejatuhan hasil eksport ke luar negara telah mengurangkan pendapatan negara. Masalah ini menyebabkan wujud permusuhan antara masyarakat Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa:

"In part it reflected regional dissatisfaction with central control and a desire for greater local autonomy; in part it involved

¹⁰⁹ Hubungan antara Pulau Jawa dengan Luar Pulau Jawa sudah lama tidak begitu baik. Sebelum ini, mereka mempunyai musuh yang sama iaitu Belanda. Jadi semuanya bersatu-padu untuk mendapatkan Kemerdekaan tetapi selepas mencapai Kemerdekaan perbezaan ini timbul kembali. Walaupun rasa tidak puas hati ini sudah mula agak lama namun secara serius ia nampakan perpecahannya semasa Kabinet Wilopo dan keadaan ekonomi sekarang telah membawa perpecahan seterusnya. Lihat Penerangan, Keterangan dan Jawapan Pemerintah atas Program Kabinet Wilopo, Djakarta, 1952. Lihat juga Wilopo S.H, Zaman Pemerintahan Partai-Partai, hlm. 28-29.

demands for a greater local autonomy; in part it involved demands for a greater share of public spending on roads, hospitals and other services in the outer islands; in part it arose from the economic differences between export-producing sparsely populated areas and the densely populated island of Java which was a net consumer”¹¹⁰

Pulau-pulau Luar Jawa menganggap Jawa sebagai parasit yang hidup menumpang dengan hasil dari pulau lain.¹¹¹ Rasa tidak puas hati berterusan selepas tahun 50-an. Ini menyebabkan perpecahan di antara Pulau Jawa dengan Pulau luar Jawa. Pulau luar Jawa memainkan peranan sangat penting dalam eksport negara Indonesia berbanding Pulau Jawa.¹¹² Dari tahun 1953 dan 1958 timbul masalah yang ketara di antara Pulau Jawa dengan Pulau luar Jawa. Pemimpin-pemimpin Pulau luar Jawa mendesak agar diberikan kepentingan sama rata seperti yang diberikan kepada Pulau Jawa. Hasil eksport utama diperolehi dari Pulau luar Jawa tetapi keadaan wilayah itu tidak begitu memuaskan. Selain itu, kawalan yang terlalu ketat oleh kerajaan pusat terhadap wilayah juga menyebabkan Pulau Luar Jawa tidak puas hati dengan kerajaan pusat. Pemimpin-pemimpin Luar Jawa juga menuntut semua jawatan-jawatan tertinggi harus diisikan dengan orang bukan Jawa.¹¹³

Hampir kesemua jawatan kerajaan dipegang oleh orang Jawa. Jawatan kerajaan ini bukan sahaja dikuasai oleh orang Jawa di Jawa tetapi juga di Pulau Luar Jawa. Kebanyakan pemimpin luar Jawa juga mendesak agar Hatta dilantik semula ke jawatan wakil Presiden seperti dahulu. Kebanyakan mereka yang tinggal di luar Jawa percaya

¹¹⁰J.D.Legge,A Political Biography, hlm.272-273.

¹¹¹Ibid.

¹¹²Barangan eksport utama Indonesia hampir kesemuanya datang dari Pulau Luar Jawa dan keadaan ekonomi yang terdesak menyebabkan mereka menuduh para pemimpin pusat tidak adil dalam pembahagian kekayaan negara. Lihat Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy, hlm.27. Lihat juga J.D.Legge, Problem of Regional Autonomy in Contemporary Cornell Modern Indonesia Project, Interim Reports Series, Ithaca, New York, 1957, hlm.68-69.

¹¹³Lihat Antara, April 7 1953 dan juga Antara, May, 1953

dengan melantik semula Hatta kejawatan tertinggi kedua maka kebanyakannya krisis semasa antara Pulau Jawa dengan Pulau luar Jawa dapat diselesaikan dengan baik.¹¹⁴ Kebanyakannya penduduk di luar Jawa berpendapat bahawa Hatta adalah wakil mereka.

"Hatta was regarded by outer island groups as their own representative and a counterpoise to the Javanese Soekarno (for reasons of political attitude and approach as well as 'ethnic origin')"¹¹⁵

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, Republik Indonesia terpaksa berhadapan dengan satu lagi masalah yang penting iaitu kumpulan seperatis yang tidak puas hati dengan berkembangan terbaru dan juga isu politik seperti perletakan jawatan Hatta dan juga pengenalan Demokrasi Terpimpin.

Kemunculan PRRI

Suasana politik akibat masalah seperti yang dibincangkan diatas berterusan sehingga Januari 1958. Kumpulan yang menentang Demokrasi Terpimpin berkumpul di Sumatera Barat yang merupakan pangkalan kumpulan separatis¹¹⁶. Kolonel Ahmad Hussein pada 10 Februari 1958 meminta Kabinet diganti dengan Kabinet yang diterajui oleh Hatta dan meminta Sukarno dan pemerintah pada masa itu letak jawatan. Keengaman Presiden Sukarno meletakkan jawatan menyebabkan Kolonel Ahmad Hussein bersama pemimpin yang lain mengambil tindakan drastik dengan mengumumkan satu susunan Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia atau PRRI di bawah pimpinan Sjarifuddin Prawiranegara. Kumpulan ini juga meminta sokongan semua rakyat Indonesia.

¹¹⁴Lihat Majalah Siasat, 8 Mac 1958. Lihat juga Antara 25 Januari 1958.

¹¹⁵Lihat Daniel S. Lev, The Transition to Guided Democracy, hlm.13.

¹¹⁶Terdapat beberapa tokoh utama yang terlibat antaranya ialah Simbolon, Zulkifli Lubis, Lt.Kolonel Ahmad Hussein, Djambek, Sjarifuddin, Sumual, Somba, Barlian dan pemimpin lain-lain lagi. Lihat Pidato ucapan Presiden Sempena Ulang Tahun Kemerdekaan 1958. Lihat juga Kementerian Penerangan, Peristiwa Sumatera Barat, Jilid 1, 1960, hlm.52. dan Herbert Feith, The Decline Constitutional Democracy, hlm.586.

Keadaan ini telah meletakkan kesatuan Indonesia dalam keadaan yang membahayakan. Kumpulan separatis ini juga menuduh kerajaan pusat dipengaruhi oleh kumpulan Komunis. Pada penghujung tahun 1958, Sukarno dengan bantuan tentera berjaya menyelesaikan masalah kumpulan seperatis. Kumpulan separatis tidak dapat bertahan lama kerana tentera dari pusat lebih kuat dan ramai. Selain itu, bantuan yang diharapkan oleh kumpulan ini dari pihak Barat, khususnya dari Amerika Syarikat, juga gagal menyebabkan kumpulan separatis kalah.

Kerajaan pusat bertindak dengan pantas dan dapat menewaskan kumpulan-kumpulan separatis serta dapat menyatupadukan kembali wilayah-wilayah itu. Kejayaan kerajaan mematahkan pemberontakan ini membolehkan kerajaan menghalang tuntutan-tuntutan baru dari wilayah-wilayah lain.¹¹⁷ Kerajaan dengan mudah menyelesaikan masalah ini dengan melantik kesemua jawatan tertinggi menerusi perlantikan dari kerajaan pusat dan pemegang jawatan ini hanya bertanggungjawab kepada kerajaan pusat.¹¹⁸

Selepas peristiwa ini, Sukarno telah menggunakan kesemua kesempatan untuk menunjukkan keburukan sistem Demokrasi Liberal. Seperti mana yang saya terangkan, sejak Merdeka sehingga 1957 keadaan politik Indonesia tidak menunjukkan satu kestabilan politik. Masalah dalaman negara yang makin hari makin tidak dapat dikawal. Keadaan menjadi bertambah buruk dengan masalah ekonomi yang teruk. Rakyat juga sangat bosan dengan sistem Demokrasi Liberal. Pada masa itu, rakyat yakin dengan kata-

¹¹⁷Lihat Teks Dokumen tentang jejadian ini yang ditandatangani oleh Kolonel Husein, Keterangan-Pemerintah tentang kedjadian-kedjadian di Sumatera dalam Bulan Desember, 1956 .hlm.44-48.Lihat juga Majalah Penerangan Sumatera Tengah, Nomor Istimewa,"Peristiwa 20 Desember"(Edisi Khas), 15 Februari 1957.

¹¹⁸Lihat Suluh Indonesia, 23 August 1958.

kata Sukarno bahawa Demokarsi Terpimpin adalah cara terbaik untuk mengatasi semua masalah yang di hadapi oleh Indonesia¹¹⁹. Akhirnya, harapan Sukarno untuk memperkenalkan Demokrasi Terpimpin tercapai tetapi Demokrasi Terpimpin ini telah memburukkan lagi situasi politik Indonesia.

KESIMPULAN

Semua faktor yang disenaraikan ini telah menggagalkan usaha menegakkan Demokrasi Liberal di Indonesia. Walaupun terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kegagalan namun konflik antara individu merupakan faktor yang terpenting membawa kepada kegagalan Demokrasi Liberal. Bab kesimpulan, akan memberikan analisa menyeluruh tentang konflik antara individu yang menjadi punca utama kegagalan Demokrasi Liberal.

¹¹⁹Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 17 Augustus 1959, Lihat Juga Pidato Ulang tahun Kemerdekaan 17 Augustus 1960.

Kesimpulan

Kerajaan Srivijaya dan Majapahit merupakan dua buah negara yang membawa zaman kegembilan kepada Indonesia kuno. Namun zaman kegembilan kedua-dua buah negara ini tidak berkekalan selepas kedatangan kuasa Barat ke Asia Tenggara. Di Indonesia, kuasa Belanda telah pun mengukir sejarah baru dan ia memberi kesan sehingga hari ini. Kedatangan Belanda ke Indonesia telah membawa banyak kesan dari segi politik, ekonomi dan sosial. Boleh dikatakan penguasaan Belanda bertambah kuat pada ke-19 dan pengenalan beberapa dasar oleh Belanda telah membawa banyak masalah kepada penduduk Indonesia.

Dasar-dasar seperti Sistem Tanaman Paksa membawa banyak keuntungan kepada Belanda tetapi dalam keburukan sistem ini ada juga kebaikan kepada masyarakat Indonesia dalam jangkamasa panjang. Pembinaan jalan-jalan raya dengan tujuan memudahkan hasil eksport dibawa ke tempat lain secara tidak langsung telah memudahkan pergerakan nasionalisme untuk menyusun pelbagai taktik terhadap Belanda dan Jepun untuk memerdekkkan Indonesia dari cengkaman penjajah. Pengenalan Sistem Tanaman Paksa ini telah menyediakan asas utama iaitu jalanraya kepada pejuang-pejuang nasional.

Manakala, pengenalan Dasar Liberal walaupun tujuan adalah untuk mengaut keuntungan bagi pihak swasta, tetapi disebalik itu ada juga kebaikan kepada masyarakat Indonesia. Pengenalan Dasar Liberal telah membawa kemajuan sistem perhubungan seperti telegraf, perkhidmatan pos dan telefon dan ini memudahkan lagi usaha-usaha nasionalis untuk mendapatkan kemerdekkkan dari Belanda. Pengenalan dua dasar ini telah

menyediakan asas infrastruktur yang boleh dikatakan lengkap walaupun niat Belanda adalah untuk memudahkan usaha mereka untuk membolot hasil bumi Indonesia.

Dasar seterusnya ialah Dasar Etika. Di dalam Dasar Etika pendidikan telah diberi keutamaan. Walaupun keutamaan ini adalah lebih banyak kepada sekolah-sekolah Belanda, namun anak-anak bangsawan Bumiputera dan pembesar negeri yang belajar disekolah Belanda turut mendapat faedah. Hasil Dasar Etika ini, lahirlah golongan elit terpelajar dari kaum Bumiputera dan Belanda enggan memberikan jawatan yang selaras dengan pendidikan mereka. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap penjajah Belanda. Kumpulan ini menunggu masa yang sesuai untuk memperjuangkan nasib mereka.

Satu lagi kebaikan Dasar Etika ialah penubuhan majlis-majlis tempatan dan ia membawa perubahan dalam susunan politik di Indonesia. Rakyat pribumi diberi peluang untuk menyertai majlis ini dan disini mereka mendapat pendedahan awal tentang aspek politik. Ini telah memberikan idea awal tentang apa yang perlu diperjuangkan melalui aspek pentadbiran dan politik. Perkembangan nasionalisme pada awalnya lebih bersifat sosio-ekonomi dan kemudian berubah menjadi perjuangan politik yang diperjuangkan oleh beberapa tokoh melalui penubuhan parti-parti politik. Antara parti yang terkenal ialah parti PNI yang ditubuhkan oleh Sukarno. Perjuangan parti-parti politik ini telah menyemarakkan semangat kebangsaan rakyat Indonesia untuk mendapatkan Kemerdekaan dari penjajah.

Dalam tahap perjuangan parti politik Indonesia, peranan Sukarno sangat penting berbanding dengan tokoh-tokoh lain. Pengalaman pahit di sekolah rendah dan menengah telah menimbulkan satu semangat kepada Sukarno untuk berjuang menentang penjajah.

Selain itu, hubungan Sukarno dengan tokoh-tokoh terpenting pada masa itu di rumah Tjokroaminoto telah memberikan landasan dan asas yang baik untuk berjuang menentang penjajah Belanda. Walaupun Sukarno terdedah kepada pelbagai macam ideologi namun pengamatan beliau membolehkan beliau hanya menyesuaikan ideologi itu mengikut keadaan semasa tanpa memegang sepenuhnya kepada sesuatu ideologi. Tabiat suka membaca buku-buku dari bidang politik dan buku-buku karangan pemikir Barat telah mematangkan lagi Sukarno tentang erti politik dan juga selok-belok politik.

Kelebihan Sukarno berbanding tokoh-tokoh lain ialah beliau lebih mementingkan perpaduan tanpa mementingkan ideologi. Dua tokoh yang lain iaitu Hatta dan Sjahrir lebih mementingkan ideologi parti berbanding dengan perpaduan. Inilah satu keistimewaan yang membolehkan Sukarno menempatkan diri sebagai tokoh nasionalis utama dan tokoh sentral dalam tahun-tahun 20-an, 30-an, 40-an dan 50-an. Seperti yang diketahui, negara Indonesia merupakan negara besar dengan lebih dari tigaratus etnik dan merangkumi lebih daripada 17,000 pulau dan bukanlah mudah untuk menyatukan semua etnik ini dalam satu arus perjuangan.

Sukarno berjaya menyatukan kesemua kumpulan etnik ini dalam satu arus perjuangan nasionalis melalui satu barisan. Barisan ini dikenali sebagai Permuafakatan Perhimpunan-himpunan Politik Kebangsaan Indonesia(PPPKI) dan ini merupakan satu kejayaan besar kepada Sukarno kerana sehingga kemunculan beliau tidak ada permuafakatan seperti ini di seluruh Indonesia. Sukarno juga mempunyai kebolehan lain yang membantu beliau menyatu-padukan rakyat dan membangkitkan semangat kebangsaan.Kemahiran jurnalistik telah memudahkan Sukarno menyampaikan hasrat-hasrat beliau melalui penulisan dan ia mudah tersebar keseluruh pelosok Indonesia.Ini

membantu membangkitkan dengan cepatnya semangat kebangsaan diseluruh Indonesia.

Kemahiran berpidato juga merupakan satu anugerah kepada Sukarno. Boleh dikatakan melalui berpidatolah Sukarno menjadi seorang pemimpin yang karismatik dan berjaya meraih sokongan padu dari rakyat berbanding dengan tokoh-tokoh lain. Ucapan berapi-api telah menyemarakkan semangat yang berkobar-kobar di pihak rakyat terhadap penjajah.

Zaman pendudukan Jepun telah merosakkan populariti Sukarno sebagai tokoh utama. Sokongan padu Sukarno kepada pihak Jepun dan dasar-dasar Jepun yang kejam telah membawa perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap pemimpin ini. Dasar-dasar seperti Romusha dan pembunuhan kejam terhadap rakyat Indonesia yang tidak mematuhi arahan menyebabkan rakyat membenci Jepun. Pada zaman pendudukan, Jepun golongan agama lebih menonjol dari segi peranan politik berbanding golongan sekular. Parti Masjumi memainkan peranan penting dalam bidang politik berbanding dengan Sukarno. Walau bagaimanapun, kesemua ini tidak mematahkan semangat Sukarno.

Serangan Amerika Syarikat keatas Jepun membawa kejatuhan pendudukan Jepun di Indonesia. Jepun telah bersetuju untuk memerdekaan Indonesia dan selepas itu Sukarno memproklamasikan kemerdekaan Indonesia. Usaha-usaha ini telah mengembalikan kedudukan Sukarno sebagai tokoh sentral. Peranan Sukarno dari awal hingga ke saat proklamasi kemerdekaan membolehkan beliau dilantik menjadi Presiden Indonesia yang pertama. Kemerdekaan Indonesia ini tidak diiktirafkan oleh kuasa Belanda, manakala Indonesia pula sudah bersedia menjadi negara yang

berdaulat. Keengangan Belanda mengiktiraf Kemerdekaan ini menyebabkan berlaku Revolusi di Indonesia dari tahun 1945-1949.

Dalam zaman Revolusi menentang Belanda, pasukan tentera yang ditubuhkan pada zaman Jepun membantu mempertahankan Kemerdekaan Indonesia. Peranan tentera yang bersungguh-sungguh inilah menaikkan imej tentera sebagai pembela tanah air. Peranan tentera juga bertambah kuat dalam hal-hal politik Indonesia dari awal sehingga hari ini. Walaupun perang menentang Belanda berterusan namun ia tidak mengagalkan usaha ke arah pengenalan Demokrasi di Indonesia. Pemimpin-pemimpin pada masa itu, memang begitu serius untuk memperkenalkan Demokrasi Liberal. Pada awalnya, Sukarno tidak begitu setuju dengan konsep Demokrasi Barat, keadaan ketika itu memaksanya menerima konsep Demokrasi Liberal.

Sjahrir memainkan peranan penting untuk memperkenalkan sistem banyak parti dan sistem Demokrasi Liberal. Usaha-usaha awal ini tidak begitu memperangsangkan memandangkan berlaku banyak masalah di antara parti-parti politik untuk menjatuhkan setiap Kabinet. Peranan Sukarno juga dihadkan dalam tahap Demokrasi Liberal dan beliau hanya memainkan peranan sebagai simbol kehormat sahaja. Sukarno kurang senang dengan sistem ini dan hanya menunggu masa yang sesuai untuk bertindak. Nampaknya dalam tempoh 1945-1949, beliau tidak mempunyai peluang untuk menempatkan kembali dalam politik negara sebagai tokoh utama.

Pada masa yang sama perebutan untuk membentuk Kabinet demi Kabinet kurang menyenangkan rakyat. Masalah dalam negeri pula bertambah teruk dengan kemelesatan ekonomi, perang menentang Belanda dan masalah keamanan negara. Harapan rakyat untuk melihat satu Kabinet yang kuat juga tidak tercapai. Rata-rata setiap kabinet hanya

bertahan selama setahun sahaja. Sukarno juga tidak puas hati dengan Kabinet-kabinet yang dibentuk bersilih ganti. Rakyat Indonesia menunggu dengan sabar untuk melihat satu Kabinet yang kuat. Akhirnya, pada 27 Disember 1949 Belanda bersetuju mengaku kedaulatan Indonesia. Peristiwa ini disambut dengan penuh kegembiraan dengan harapan bahawa kerajaan yang akan dibentuk selepas ini adalah satu kerajaan yang kuat.

Perang melawan Belanda ini telah memburukkan lagi ekonomi negara Indonesia. Selain itu, ada juga beberapa masalah dalam negara yang perlu diselesaikan segera. Rakyat berpendapat ketiadaan ancaman Belanda ini membolehkan pembentukan satu Kabinet yang kuat yang dapat mengatasi masalah dalam negara tetapi perkembangan politik selepas ini juga menghampaskan rakyat. Zaman selepas mendapat Kemerdekaan dari Belanda dikenali sebagai zaman Demokrasi Liberal iaitu dari tahun 1949-1957. Tempoh ini sangat penting kerana Indonesia diperintah oleh rakyat Indonesia tanpa gangguan dari pihak luar. Usaha serius dijalankan untuk memperkenalkan Demokrasi Liberal dalam tempoh ini.

Usaha ini juga tidak menampakkan hasil dan ia bertambah teruk seperti dahulu. Kabinet sukar dibentuk kerana tiada permuafakatan antara parti-parti politik utama. Kabinet bersilih ganti dan masalah ekonomi menjadi bertambah buruk. Sukarno sekali lagi menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap sistem Demokrasi Liberal. Sukarno juga cuba memperalatkan beberapa isu seperti masalah Irian Barat untuk menempatkan kembali dalam politik nasional. Usaha ini juga memberi sedikit peranan kepada Sukarno untuk kembali dalam politik nasional. Pada masa yang sama, harapan semua pihak bertumpu kepada pilihanraya umum 1955 sebagai satu-satunya jalan penyelesaian semua masalah negara.

Pilihanraya ini telah memburukkan lagi situasi politik Indonesia. Parti-parti politik lebih mementingkan kemenangan dan untuk itu sanggup mengkritik dan mendedahkan kelemahan pihak lawan sehingga membawa perpecahan yang mendalam antara parti. Perpecahan ini jelas ternyata dalam jumlah undi yang diperolehi dan wujud pula kumpulan -kumpulan tertentu yang berteraskan agama, sekular serta Komunis. Selain itu, perpecahan antara Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa semakin teruk. Kesemua ini telah membawa kepada keadaan yang tidak stabil dan Indonesia kembali menghadapi masalah yang besar. Keadaan di atas menyebabkan wujudnya penentangan dari kumpulan seperatis yang menuntut hak yang sama seperti yang diberi kepada Pulau Jawa. Sukarno berpendapat semua gejala ini kerana kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia. Sekali lagi beliau meminta sistem ini digantikan dengan sistem yang lebih sesuai dengan keperibadian Indonesia iaitu Demokrasi Terpimpin.

Pihak tentera yang sudah mengukuhkan kedudukan mereka dalam politik Indonesia turut memainkan peranan penting sehingga masalah dalam negeri bertambah buruk. Peristiwa 17 Oktober 1952 dan peranan menjatuhkan Kabinet Ali Sastroadmijojo I menunjukkan kewujudan satu lagi kuasa dalam politik Indonesia. Presiden Sukarno yang menyedari hakikat ini telah menunggu masa yang sesuai untuk menggunakan kuasa tentera membantunya memperkenalkan Demokrasi Terpimpin.

Selepas Belanda mengakui kedaulatan Indonesia, sudah dibentuk tujuh Kabinet. Kabinet-kabinet ini juga bersilih ganti seperti yang berlaku dalam zaman Revolusi dan rakyat seolah-olah hilang harapan. Zaman Demokrasi Liberal 1949-1957 ini tidak berjaya menegakkan konsep Demokrasi seperti yang diharapkan. Janji-janji ahli politik tentang kebaikan Demokrasi Liberal tidak menampakkan hasil seperti yang diharapkan. Pelbagai

masalah dalam negeri serta kemelesatan ekonomi yang teruk memberi kesempatan kepada Sukarno untuk memperkenalkan Konsep Demokrasi ciptaan beliau, iaitu Demokrasi Terpimpin. Sukarno berjaya meyakinkan rakyat bahawa konsep Demokrasi yang akan diperkenalkan ini akan dapat menyelesaikan semua masalah negara sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Sukarno mendapat sokongan dari tentera dan sebilangan besar rakyat yang bosan dengan sistem Demokrasi Liberal. Akhirnya, Sistem Demokrasi Liberal dikuburkan dan satu sistem Demokrasi Terpimpin diperkenalkan di Indonesia. Apakah sebab-sebab utama yang membawa kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia? Seperti yang saya terangkan dalam bab lima ada beberapa sebab penting seperti tiadanya pendukung yang setia, persaingan antara parti, konflik individu, peranan tentera, ekonomi yang tidak seimbang, bergantungan kepada pasaran eksport, masalah pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa dan akhir sekali kemunculan kumpulan PRRI ini menjadi sebab utama kegagalan Demokrasi.

Pada pendapat saya, semua sebab-sebab ini mempunyai hubungan antara satu sama lain sehingga membawa kegagalan Demokrasi namun sebab yang penting sehingga membawa kegagalan Demokrasi Liberal ini ialah konflik peribadi antara individu. Semua sebab lain boleh diselesaikan jika hubungan antara satu pemimpin dengan pemimpin lain lebih bersifat toleran. Jika kita teliti kesemua sebab lain berpunca dari konflik peribadi itu sendiri. Contohnya, konflik antara Sjahir dan Tan Malaka menyebabkan Tan Malaka berusaha menjatuhkan kesemua Kabinet yang dibentuk oleh Sjahrir. Pemimpin-pemimpin parti lain juga menggunakan kesempatan ini untuk bersatu-padu dengan kumpulan pembangkang untuk menjatuhkan Kabinet-kabinet yang dibentuk oleh Sjahrir.

Walaupun Sukarno boleh menghalang kumpulan pembangkang yang diterajui oleh Tan Malaka, lebih rela melihat kejatuhan setiap Kabinet Sjahrir. Sukarno memang mempunyai konflik peribadi dengan Sjahrir dan beliau hanya memperhatikan semua gelagat parti-parti politik semata-mata untuk menunjukkan kelemahan sistem ini.

Konflik peribadi antara satu tokoh dengan tokoh yang lain ini menyebabkan mereka menggunakan parti yang diterajuinya untuk membala dendam antara satu sama lain. Contohnya konflik antara Amir Sjarifuddin dengan Sjahrir menyebabkan perpecahan dalam Parti Sosialis Indonesia sehingga Amir Sjarifuddin menubuahkan Parti Sosialis. Sjahrir pula memainkan peranan untuk menjatuhkan Kabinet yang dibentuk oleh Amir Sjariffudin. Boleh dikatakan tidak ada kerjasama yang erat antara satu pemimpin dengan pemimpin dan ini menyebabkan perpecahan antara parti dan ahli parti politik masing-masing. Perkara yang aneh ialah dalam partinya sendiri ada kelompok-kelompok tersendiri sehingga tidak muh berkerjasama antara satu sama lain. Contohnya, dalam PNI ada kelompok Mr. Sartono dan kelompok Mr. Sujono, manakala dalam parti Masjumi pula ada kelompok Natsir dan kelompok Sukiman. Ini menyebabkan konflik peribadi antara individu bertambah teruk sehingga tidak memberi tumpuan kepada masalah negara.

Konflik peribadi ini juga menyebabkan mereka tidak dapat mendukung konsep Demokrasi seperti yang dijanjikan. Tumpuan lebih banyak diberikan dalam taktik politik untuk menjatuhkan satu sama lain walaupun Kabinet itu menjalankan program yang baik kepada negara dan rakyat. Tujuan menjatuhkan Kabinet yang menjalankan satu program yang baik kepada rakyat ialah untuk mengurangkan kepopularan parti itu di kalangan rakyat jelata. Keghairahan ahli politik dan parti ini menyebabkan rakyat seolah-olah hilang harapan terhadap sistem ini. Tindakan-tindakan tentera mempertahankan

kedaulatan negara dalam waktu-waktu yang genting membolehkan tentera muncul dalam politik Indonesia. Konflik yang berpanjangan antara tokoh-tokoh utama membolehkan tentera mula memainkan peranan dalam politik Indonesia sehingga membawa masalah besar kepada sistem Demokrasi Liberal yang didukungnya. Jika konflik peribadi antara individu dapat dikurangkan, maka tentunya peranan tentera dapat disekat dari awal-awal lagi.

Pada pendapat saya, keghairahan konflik individu dan kekerapan Kabinet yang berubah-ubah menyebabkan ekonomi negara Indonesia bertambah buruk. Jika ada Kabinet yang cuba melakukan sesuatu yang radikal, maka Kabinet itu dijatuhkan dan digantikan dengan Kabinet yang lain. Keadaan ini menyebabkan tidak ada satu tindakan yang tegas dari pemerintah untuk membaiki keadaan ekonomi pada masa itu. Konflik peribadi ini juga menyebabkan setiap pemimpin cuba memperalatkan parti yang diwakili untuk menunjukkan kehebatan parti dan diri sebagai pembela rakyat. Mereka melaksanakan dasar-dasar yang merugikan negara seperti dasar 'Indonesianization', dan menghalau pelabur Belanda, China dan sebagainya. Semua ini memberikan satu keadaan yang lebih teruk dari zaman penjajahan Belanda.

Konflik peribadi antara individu juga telah menyumbang kepada masalah antara kumpulan seperatis dan juga masalah antara Pulau Jawa dengan Pulau Luar Jawa. Tokoh seperti Hatta telah mengapi-apikan keistimewaan yang diperolehi oleh sesuatu Pulau dan wilayah lain. Kepentingan politik menyebabkan tokoh ini melakukan hasutan sehingga ia memudaratkan kesatuan Indonesia. Jelas, semua angkara ini adalah kerana konflik peribadi antara individu sehingga membawa kemunculan sistem Demokrasi Terpimpin. Sistem demokrasi Terpimpin juga diperkenalkan kerana konflik Sukarno dengan

pemimpin-pemimpin politik yang lain. Sukarno percaya selagi ada sistem Demokrasi Liberal, ia akan menyukarkan penonjolan diri dan tiba-tiba masa untuk beliau bertindak terhadap semua pemimpin dan parti politik.

Walaupun pada akhir-akhir pemerintahan, Sukarno banyak melakukan kesilapan dengan bertindak secara autokrasi namun peranan beliau tidak boleh diperkecilkan dalam usaha mendapatkan kemerdekaan. Pada pendapat saya, zaman Sukarno boleh dibahagikan kepada dua zaman yang penting. Zaman dari awal tahun 1927 hingga 1949 merupakan satu zaman kegemilangan kerana perananya sebagai tokoh sentral dan tahun dari 1949 hingga 1967 merupakan zaman kemerosotan kepopularan Sukarno. Jika kita teliti sejarah Indonesia tidak ada seorang pun tokoh yang sepopular seperti Sukarno dan yang dapat menyatu-padukan rakyat Indonesia untuk memperjuangkan kemerdekaan Indonesia. Boleh dikatakan jika tiada Sukarno adalah sukar untuk menyatukan rakyat dan mendapatkan Kemerdekaan Indonesia.

Seperti yang diterangkan dalam bab 2, Sukarno mementingkan perpaduan dan sikap radikal beliau dalam sesuatu tindakan membawa kejayaan yang baik. Selepas mendapat Kemerdekaan tindakan beliau yang mahu menempatkan diri dalam politik telah menyebabkan beberapa masalah kepada negara Indonesia. Dengan pengenalan Demokrasi Terpimpin, cara pemerintahan beliau juga bersifat autokrasi. Ini menyebabkan kepopularan Sukarno menjunam dan akhirnya Jeneral Suharto mengambil-alih kuasa. Peranan yang dimainkan oleh Sukarno dalam zaman kegemilangan itu adalah sesuatu yang seharusnya diberi kepujian kerana bukanlah mudah untuk mendapatkan Kemerdekaan dari penjajah Belanda yang sudah memerintah selama 350 tahun dan masih lagi bercita-cita untuk memerintah 350 tahun yang akan datang.